ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڠ ايمان

"DARIPADA Abi Bakrah Radiallahuanha daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada satu dosa yang lebih patut disegerakan hukuman bagi pelakunya (di dunia), di samping hukuman yang disimpan untuknya (di akhirat), daripada perbuatan melampaui batas dan memutuskan hubungan kekeluargaan".
(Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.36 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.31 | MAGHRIB 6.04 | ISYAK 7.18
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 143 | 29 NOVEMBER 2023 / 1445 جمادي الأول 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# PENGUKUHAN PUCUK PIMPINAN DALAM SEKTOR MINYAK, GAS

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat Brunei Shell Petroleum (BSP) di Panaga, Seria. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**SERIA**, Selasa, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa pengukuhan pucuk pimpinan di dalam Sektor Minyak dan Gas adalah sangat penting untuk memastikan keselamatan ekonomi negara.

Pucuk pimpinan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilihat sangat penting untuk meneguhkan Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) berdaya tahan ataupun tidak.

Bertitah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat BSP di Panaga, Seria, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan, dari usaha gigih dan ketekunan kepimpinanlah dapat dilihat satu hasil sama ada memberangsangkan atau sebaliknya.

**>> Muka 3**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**TINGKAT kemahiran, pertuturan berbahasa Arab** Muka 8



**DUKUNG amalan munajat** Muka 10



**KEMBANGKAN kreativiti, inovatif pelajar** Muka 12




**HENTIKAN penderaan berikan perhatian, penjagaan istimewa kepada kaun wanita** Muka 21

# Sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada masa ini, terdapat sedikit peningkatan dalam trend (*slightly upward trend*) kes influenza-like illness (ILI) dan kes COVID-19.

Bukan itu sahaja, Kementerian Kesihatan juga menjangkakan berlakunya sedikit peningkatan kes ILI dan COVID-19 semasa musim cuti persekolahan ini berikutan dengan peningkatan pergerakan orang ramai sama ada di dalam negeri atau keluar negeri.

**>> Muka 7**

# Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri World Climate Action Summit

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 27 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu bagi menghadiri World Climate Action Summit yang akan diadakan pada 1 hingga 2 Disember 2023 semasa 'the 28th Session of the Conference of the Parties to the United Nations Framework Convention on Climate Change' (COP 28).

**>> Muka 2**

# Perbincangan persediaan HK Ke-40 diteruskan

**Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 November. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 diadakan hari ini bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**>> Muka 7**

PELITA BRUNEI

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama The Right Honourable Christopher Luxon, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri New Zealand yang baharu.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama The Right Honourable Christopher Luxon.**

# Kebawah DYMM akan berangkat menghadiri World Climate Action Summit

**>> Muka 1**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan berangkat menghadiri World Climate Action Summit bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan yang lainnya.

Sidang Kemuncak tersebut, yang juga merupakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia buat julung kalinya menghadiri Peringkat Tertinggi COP (High-Level Segment bagi COP), mengalu-alukan para pemimpin dunia untuk membentangkan perkembangan dan aspirasi dalam semua tunggak Perjanjian Paris, sekali gus menjana momentum dan bimbingan bagi acara-acara lain yang dianjurkan semasa COP ini.

Selaku hos bagi COP 28, Emiriah Arab Bersatu akan memfokuskan kepada empat peralihan paradigma, iaitu mempercepatkan peralihan tenaga dan mengurangkan pengeluaran gas sebelum tahun 2030; melaksanakan transformasi kewangan iklim, dengan memenuhi sasaran sebelum ini dan membentuk rangka kerja untuk perjanjian baharu dalam kewangan; mengetengahkan fokus utama kepada persekitaran, penduduk, nyawa dan kehidupan sebagai tumpuan dalam tindakan iklim; dan mengerahkan COP menjadi sesi yang paling inklusif.

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

## WAKTU SEMBAHYANG

| NOVEMBER MASIHI | HARI | JAMADILAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29 | RABU | 15 | 4.40 | 4.50 | 6.12 | 6.36 | 12.09 | 3.31 | 6.04 | 7.18 |
| 30 | KHAMIS | 16 | 4.40 | 4.50 | 6.13 | 6.37 | 12.10 | 3.32 | 6.04 | 7.18 |
| 1 DISEMBER | JUMAAT | 17 | 4.41 | 4.51 | 6.13 | 6.37 | 12.10 | 3.32 | 6.05 | 7.19 |
| 2 | SABTU | 18 | 4.41 | 4.51 | 6.14 | 6.38 | 12.10 | 3.32 | 6.05 | 7.19 |
| 3 | AHAD | 19 | 4.41 | 4.51 | 6.14 | 6.38 | 12.11 | 3.33 | 6.05 | 7.20 |
| 4 | ISNIN | 20 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.11 | 3.33 | 6.06 | 7.20 |
| 5 | SELASA | 21 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.12 | 3.33 | 6.06 | 7.20 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 29 NOVEMBER 2023

# Manfaatkan cuti persekolahan

CUTI sekolah merupakan hari yang ditunggu-tunggu oleh pelajar sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Mereka tidak perlu lagi mengikuti rutin harian yang memerlukan mereka untuk bangun di awal pagi dan bersiap untuk ke sekolah.

Sebaliknya, mereka bebas untuk menyusun jadual harian mereka berbeza jika dibandingkan dengan norma hari persekolahan. Namun begitu, peribahasa Melayu berkata, 'masa itu emas'.

Justeru, ibu bapa dan adik-beradik yang telah dewasa wajar membimbing ahli keluarga yang masih bersekolah untuk memanfaatkan cuti persekolahan mereka dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Antara langkah untuk memanfaatkan cuti sekolah pelajar adalah dengan melancong secara domestik atau ke luar negara. Objektif utama cuti persekolahan adalah untuk memberi istirahat kepada pelajar dan guru-guru terutamanya yang telah berminggu-minggu berusaha memberikan yang terbaik dalam pembelajaran dan pengajaran.

Oleh itu, cuti sekolah adalah masa untuk mereka berehat dan meluangkan masa bersama keluarga tercinta. Melancong dapat mengalihkan perhatian pelajar khususnya yang akan menduduki peperiksaan awam kepada perkara yang lebih seronok seperti bermandi-manda di pantai atau air terjun.

Bagi pelajar sekolah rendah pula, terdapat banyak tempat pelancongan yang menarik dan berfaedah bagi mereka seperti muzium-muzium dan zoo. Oleh itu, ibu bapa boleh merancang dengan bajet yang mengikut kemampuan masing-masing untuk membawa anak-anak melancong ke tempat yang belum pernah dikunjungi pada waktu cuti persekolahan.

Selain itu, cuti persekolahan boleh dimanfaatkan dengan bergotong-royong membersihkan rumah dan kawasan sekitar. Seperti diketahui, ibu dan bapa dalam keluarga mempunyai kerjaya atau perlu bekerja demi menampung keperluan diri dan keluarga. Justeru, kerja-kerja di rumah kadang-kala terabai dek kerana kekangan masa dan keletihan setelah bekerja.

Oleh itu, bagi membalas jasa dan kudrat yang telah diusahakan oleh ibu bapa, anak-anak seharusnya membantu mereka membuat kerja-kerja rumah seperti mengemop lantai, membersihkan tingkap dan kipas serta mengemas pakaian. Pada permulaan mungkin ibu bapa akan mendapati sukar untuk mengajar anak-anak dalam membuat kerja-kerja rumah kerana mereka leka dengan telefon dan gajet.

Tetapi kalau bukan ibu bapa, siapa yang akan mengajar mereka untuk berdikari dan berdisiplin menjelang mereka dewasa kelak? Bak kata peribahasa Melayu, 'sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit'. Mula mengajar anak-anak kerja rumah yang mudah dan tingkatkan kemahiran mereka secara berperingkat. Pasti hasilnya akan memberi manfaat kepada ibu bapa dan pelajar itu sendiri.

Kesimpulannya, banyak cara yang boleh dilakukan oleh pelajar untuk mendapat manfaat sepanjang cuti persekolahan berlangsung. Ia bergantung kepada kesedaran diri atau ibu bapa yang ingin mencari aktiviti yang mendatangkan faedah kepada pelajar sepanjang tempoh tersebut.

Cuti sekolah bukanlah bermaksud pelajar akan cuti daripada belajar. Sebaliknya, pelajar harus mengisi masa terluang itu dengan pelbagai aktiviti yang dicadangkan di atas bagi mendapatkan faedah yang berbeza. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوليه جابتن فنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# PASTIKAN BRUNEIANISATION JADI PENCAPAIAN LEBIH BERMAKNA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin**
**Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) di Panaga, Seria.**

**SERIA**, Selasa, 28 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) di Panaga, Seria turut menzahirkan kegembiraan mengetahui pencapaian Bruneianisation di dalam Syarikat BSP pada masa ini yang dianggarkan telah mencapai hampir 90 peratus.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, usaha berkenaan hendaklah diteruskan dan apa yang lebih penting untuk memastikan Bruneianisation itu menjadi pencapaian yang lebih bermakna.

"Beta berharap anak-anak tempatan yang telah dan bakal menyandang jawatan-jawatan pelbagai tahap telah diberikan latihan yang penuh (*fully trained*) disertakan dengan program-program yang mempunyai indikator-indikator yang boleh dipantau untuk memastikan *effective knowledge transfer* daripada ekspatriat dan pakar-pakar industri minyak dan gas supaya anak-anak tempatan ini benar-benar kompeten dan akan dapat menerajui jawatan-jawatan lebih tinggi di masa akan datang.

"Beta juga mengambil maklum bahawa Syarikat BSP secara berterusan mengenal pasti dan menilai anak-anak tempatan yang berpotensi tinggi untuk menjawat jawatan-jawatan tertinggi seperti pengarah urusan, jawatan-jawatan eksekutif dan jawatan-jawatan kepimpinan yang lainnya," titah baginda.

Dalam hubungan itu, baginda menekankan, pengalaman, pengetahuan dan latihan sangat penting untuk diberikan secara berterusan dan konsisten kepada anak-anak tempatan ini bagi memastikan *succession planning* yang teratur.

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga mengambil maklum bahawa banyak jawatan-jawatan kosong di dalam industri minyak dan gas di negara ini memerlukan kelayakan teknikal.

Oleh itu, baginda menggalakkan Jabatan Tenaga dan Syarikat BSP untuk terus meningkatkan lagi kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi memastikan generasi akan datang dapat mengisi kekosongan ini sesuai dengan kelayakan yang diperlukan.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memberikan penghargaan kepada tenaga kerja warga asing, (*expatriates*) Syarikat BSP yang selama ini telah memberikan sumbangan dalam sama-sama memajukan industri minyak dan gas di negara ini.

Baginda bertitah berharap mereka akan terus mengongsikan pengalaman dan kepakaran mereka bagi mengisi *knowledge* dan *technological gap* untuk meningkatkan produktiviti penghasilan minyak negara.

## Pengukuhan pucuk pimpinan dalam Sektor Minyak, Gas

**>> Muka 1**

"Semua kita sama-sama memahami bahawa industri minyak dan gas adalah merupakan nadi utama ekonomi negara ini. Dengan berlakunya pelbagai krisis di peringkat global dan dalam situasi ekonomi yang sangat mencabar, kita tidak boleh terlalu selesa dan perlu terus giat membuat persiapan yang mampan dalam mendepani isu-isu ini," titah baginda.

Baginda bertitah menyatakan, jika kepimpinan lemah atau kurang menyerlah, maka ini pasti sahaja akan membawa lemah pula penghasilan. Yang dimaksudkan dengan pucuk pimpinan di sini ialah termasuk Lembaga Pengarah (Board of Directors) Syarikat BSP, pemegang saham (*shareholders*) Syarikat BSP, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Tenaga.

"Kerana itu dalam menerajui industri minyak dan gas, beta sentiasa mengharapkan supaya pucuk pimpinan memiliki nilai-nilai dan ciri-ciri positif seperti moral yang baik, berintegriti tinggi, jujur, amanah, bijaksana, rajin, gigih, sentiasa berusaha ke arah memperkukuhkan dasar-dasar yang menjamin keselamatan ekonomi, menambah baik amalan serta peraturan bagi meningkatkan ketulusan (*transparency*), memperbaiki kaedah bagi mengesan amalan rasuah, *internal fraud*, *criminal breach of trust* dan *unethical conduct*," tambah baginda bertitah.

Dalam titah baginda lagi, ini bukannya ciri dan nilai yang mesti wujud di dalam Syarikat BSP sahaja, malah ia hendaklah meliputi segala aspek termasuk kontraktor dan subkontraktor yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri minyak dan gas.

Dalam hal itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyarankan agar pihak pengurusan di Syarikat BSP akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Biro Mencegah Rasuah dalam membanteras mana-mana kegiatan yang menyalahi undang-undang.

## Atur strategi bijaksana tingkatkan penghasilan minyak



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat Syarikat BSP di Panaga, Seria.**

**SERIA**, Selasa, 28 November. - Dalam usaha menjamin pendapatan dan memastikan keselamatan ekonomi negara, Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) - Lembaga Pengarah BSP, *shareholders* BSP, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Tenaga diharap akan dapat bekerjasama mengatur strategi yang bijaksana bagi meningkatkan penghasilan minyak dan *reserve* negara termasuk melalui pelaksanaan kaedah-kaedah bagi meningkatkan *production*; memproduksikan penemuan (*discoveries*) yang belum dimajukan dan meningkatkan aktiviti pencarian takungan-takungan (*reservoir*) minyak baharu melalui pembawaan masuk teknologi terkini seperti untuk aktiviti *seismic interpretation* dan penggerudian.

Bertitah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Ibu Pejabat Syarikat BSP di Panaga, Seria, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan bahawa pengeksplorasian dalam industri minyak dan gas mempunyai risiko dan ia juga memerlukan perbelanjaan yang besar.

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menasihatkan supaya semua proses dan kajian-kajian yang diperlukan bagi menemukan takungan-takungan minyak *reservoir* baharu ini akan dapat dilaksanakan dengan berhati-hati menggunakan kepakaran anak-anak tempatan dan ekspatriat serta dibantu oleh teknologi yang tercanggih bagi mendapatkan hasil yang terbaik untuk negara, insyaaAllah.

"Beta juga ingin mengingatkan supaya pucuk pimpinan Syarikat BSP tidak mengabaikan fasiliti-fasiliti yang sedia dan memastikan semua fasiliti-fasiliti tersebut berada pada tahap yang optimum bagi memastikan *maximum possible production rate*," titah baginda.

Terdahulu, baginda bertitah, di samping mengambil berat penghasilan minyak, Syarikat BSP dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri minyak dan gas di negara ini hendaklah mengambil berat terhadap peraturan-peraturan Health, Safety and Environment (HSE), pemeliharaan nyawa mesti diberikan keutamaan dan tindakan tegas hendaklah diambil jika berlaku sebarang insiden terutama jika ia berlaku disebabkan oleh pelanggaran peraturan.

PELITA BRUNEI

# KEBERANGKATAN TIDAK BERJADUAL KE SYARIKAT BSP





**KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Helipad Ibu Pejabat Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) di Panaga, Seria dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (kiri). Manakala gambar atas, baginda berkenan menerima junjung ziarah semasa mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Syarikat BSP.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**SERIA,** Selasa, 28 November. - Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) sehingga hari ini kekal sebagai tulang belakang ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan penyumbang utama kepada hasil minyak dan gas negara serta pendapatan eksport, di samping menyokong pertumbuhan dan pembangunan negara.

Sebagai perintis teknologi selama lebih 90 tahun, BSP menjadi tonggak kepada beberapa inovasi 'Buatan Brunei', membina rekod prestasi jangka panjang sebagai 'syarikat yang pertama' untuk membekalkan minyak dan gas kepada negara.

Sehubungan itu, Syarikat BSP hari ini menjadi tumpuan Keberangkatan Tidak Berjadual Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Helipad Ibu Pejabat Syarikat BSP di Panaga, Seria dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM; Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dan Pengarah Urusan BSP dan Shell Country Chair di Negara Brunei Darussalam, Agnete Johnsgaard-Lewis.

**>> Muka 5**







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra, berinteraksi dan merakamkan gambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan BSP (atas, atas kanan dan kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama pihak pengurusan dan kakitangan Syarikat BSP.**

**>> Muka 4**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

Turut hadir, Timbalan Menteri Tenaga di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Semasa lawatan berkenaan, baginda berkenan meninjau dengan lebih dekat juga menerima sembah penerangan mengenai beberapa jabatan dan bahagian di Syarikat BSP.

Baginda memulakan lawatan ke Jabatan Eksplorasi dan Pembangunan yang mana bahagian ini bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan mengesan hidrokarbon di kerak bumi dan 'mematangkan' penemuan untuk menjadi pengeluaran.

Turut dilawati baginda ialah Bahagian Pendigitalan, yang bertanggungjawab untuk mencari peluang digital dalam proses-proses minyak dan gas dan langkah untuk memaksimumkan kecekapan serta memberikan hasil perniagaan yang lebih baik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan melawat Jabatan Keselamatan Siber dan meninjau Bangunan Pusat Data baharu BSP (NDCO) di mana baginda diberikan penerangan mengenai keselamatan siber BSP dan pengurusan datanya.

Di sepanjang lawatan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan beramah mesra, berinteraksi dan merakamkan gambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan BSP.

Pada keberangkatan tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan mengurniakan titah dan seterusnya berkenan bagi sesi soal jawab serta perkongsian bersama pihak pengurusan dan kakitangan Syarikat BSP. Sebelum mengakhiri keberangkatan, baginda berkenan bagi bergambar ramai dan menerima junjung ziarah.

Sebagai pengeluar utama hasil minyak dan gas negara dengan lebih 90 peratus hasil pengeluaran harian, Syarikat BSP kini mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan pelbagai, dengan kira-kira 4,000 pekerja dan lebih daripada 20,000 kontraktor.

Syarikat tersebut yang menyambut Ulang Tahun Pertubuhannya Ke-90 pada 2019, akan terus komited bagi menyokong Bruneianisation Directive melalui usaha-usaha yang berterusan dalam membangunkan tenaga kerja tempatan yang profesional bagi menggalas jawatan dan tanggungjawab utama dalam Syarikat BSP.










**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau dengan lebih dekat dan menerima sembah penerangan mengenai beberapa jabatan dan bahagian di Syarikat BSP (atas). Manakala gambar atas tengah, atas kanan dan bawah kanan, baginda berkenan beramah mesra dan bergambar kenangan bersama para pegawai dan kakitangan BSP.**

PELITA BRUNEI

# MENDIDIK HATI DALAM MERAIH KEAMPUNAN ALLAH





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun (kiri dan atas).

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS,** Isnin, 27 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2023, iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Acara Forum Perdana Majlis Ilmu 2023 ini dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang antara lain menyembahkan bahawa Ceramah Perdana hari ini merupakan lanjutan dari perkumpulan ilmu pada hari pertama, Majlis Perasmian, Seminar Majlis Ilmu dan Forum Perdana.

Sembahnya lagi, majlis Ceramah Perdana ini khususnya, dihasratkan untuk mendalami lagi kefahaman kita tentang munajat dan taubat dengan harapan ia membawa lebih keberkatan dan kebaikan dalam kehidupan kita seharian.

"Dalam kita menghayati peranan ilmu dalam masyarakat, kita terpanggil untuk mengakui kuasa transformatifnya - satu daya yang meluas jauh melampaui sempadan bilik darjah dan dewan kuliah. Pendidikan dan ilmu merupakan pemangkin yang memercikkan minat intelektual, menyuburkan pemikiran kritis dan menanam nilai-nilai yang membentuk watak individu. Ilmu berfungsi sebagai batu asas di mana impian dibina dan aspirasi dicapai. Di luar lingkungan individu, impak pendidikan dan ilmu boleh menyinar keluar, menyulam benang-benang halus yang mengikat masyarakat dan negara.

"Individu yang berilmu tidak hanya menyumbang secara bermakna kepada tenaga kerja negara tetapi juga terlibat secara aktif dalam kehidupan seharian masyarakat dan boleh memacu perubahan positif. Orang-orang berilmu membentuk asas kukuh masyarakat yang berpengetahuan dan terlibat, yang secara kolektif berusaha untuk kemajuan, persamaan dan keadilan. Oleh itu, kuasa transformatif ilmu tidak hanya terhad kepada pencapaian peribadi tetapi mencipta kesan gelombang yang menaikkan keseluruhan masyarakat mahu pun negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Acara diteruskan dengan sesi Ceramah Perdana bertajuk 'Munajat Terapi Hati' yang disampaikan oleh Penolong Rektor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima pesambah.

Dalam ceramahnya, beliau menyentuh mengenai munajat merupakan wasilah hamba kepada khaliq-Nya dalam memohonkan keampunan dan maghfirah.

Oleh kerana bermunajat ini menurutnya adalah talian langsung kepada pemilik alam yang Qudus, justeru lontaran munajat perlu lahir dari hati yang suci bersih sesuai dengan kedudukan tempat bermohon.

Ceramah tersebut merungkai pengertian munajat dan kepentingan mendidik hati dalam meraih keampunan dan penerimaan sebarang permohonan selain turut mengongsikan beberapa ibrah teladan yang dirakam atau direkodkan dalam Al-Quran serta kisah para *salafussoleh*.

Di samping itu, membawakan zikir munajat yang diamalkan dalam kisah-kisah berkenaan untuk menjadi pedoman dan rujukan para hadirin.

MAJLIS ILMU 2023

Kesimpulannya, zikir tersebut diharapkan dapat menjadi perawat dan terapi kepada hati yang selalu gundah dan gusar agar ibadah yang dilaksanakan dapat berjalan dengan sebaiknya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Dayang Hajah Mariana.

Sebelum berangkat balik meninggalkan majlis, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berkenan menerima pesambah dan bergambar ramai bersama dengan Ahli Jawatankuasa Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023.








YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (atas). Manakala gambar kanan, Ceramah Perdana disampaikan oleh Penolong Rektor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu. Sementara gambar kanan sekali, antara yang hadir pada Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2023.

# PERBINCANGAN PERSEDIAAN HK KE-40 DITERUSKAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**





**MESYUARAT dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**>> Muka 1**

Mesyuarat berkenaan adalah kesinambungan daripada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi yang mengongsikan persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 iaitu ketetapan format persembahan padang, ketetapan tempat dan tetamu kehormat majlis bagi majlis-majlis, ketetapan logo dan tema, perbarisan serta ikrar termasuklah persediaan raptai-raptai yang akan dilaksanakan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Terdahulu, mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang antara lain mengongsikan mengenai persiapan-persiapan yang sedang giat dilaksanakan ke arah menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 yang akan diadakan pada Jumaat, 23 Februari 2024.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa dengan berbekalkan semangat patriotisme dan kenegaraan yang tinggi serta berdasarkan kepada Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach), musyawarah dan kesepakatan, kita akan dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam memastikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dengan izin Allah jua akan dapat berjalan dengan lancar, teratur, sempurna dan berhemah dari tahun sebelumnya dalam suasana yang penuh kegembiraan, kemeriahan dan keceriaan.

Turut sama berangkat dan hadir ke mesyuarat ini ialah Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan selaku Timbalan Pengerusi Bersama.

Juga hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.



**ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 (kiri dan atas kiri).**

# Sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**>> Muka 1**

Oleh itu, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul, memakai sungkup muka jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis-majlis keramaian; mendapatkan vaksinasi FLU / vaksinasi COVID-19 yang dilengkapi dengan dos penggalak, khususnya mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, mereka yang mempunyai penyakit kronik dan ibu-ibu yang mengandung bagi mengurangkan risiko jangkitan yang teruk.

Juga dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan doktor dengan segera jika mengalami tanda-tanda jangkitan yang berpanjangan atau jika tanda-tanda jangkitan menjadi semakin teruk; dan memakai sungkup muka apabila pergi untuk mendapatkan rawatan terutamanya di Klinik Flu dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan serta jika melawat pesakit di wad-wad.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini dan akan memaklumkan apa jua perkembangan mengenainya dari masa ke masa.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 ataupun melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*



# TINGKAT KEMAHIRAN, PERTUTURAN BERBAHASA ARAB





YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Penasihat kepada Menteri Pendidikan dan Ketua Pejabat Menteri Pendidikan Kesultanan Oman, Dr. Saeed Saif Salim Al Ameri dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Kesultanan Oman (kiri dan atas). Manakala gambar bawah, suasana sekitar program berkenaan.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**JERUDONG**, Selasa, 28 November. - Program Pentaksiran dan Penilaian Kemahiran Bertutur Berbahasa Arab Standard merupakan sebuah projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Direktorat Am Pembangunan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman khusus untuk melaksanakan projek berkomunikasi dalam bahasa Arab Fushah dalam kalangan tenaga-tenaga pengajar di Kementerian Pendidikan Kesultanan Oman.

Matlamat utama program berkenaan adalah untuk mengenal pasti keperluan program latihan yang akan datang serta meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Arab Fushah dalam kalangan tenaga pengajar mahupun pelajar-pelajar di persekolahan Arab.

Selain itu, program juga bertujuan untuk menilai sejauh mana keupayaan pelajar-pelajar yang dilatih dalam program ini dari segi kemahiran bertutur yang digunakan di dalam bilik darjah.

Di samping itu, program juga bertujuan untuk membentang bengkel pengayaan mengenai kepentingan penggunaan bahasa Arab Fushah di persekolahan Arab.

Program ini telah ditawarkan melalui Unit Program Ta'zeez kepada pelajar-pelajar dari persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk mengikuti Kursus Komunikasi Bahasa Arab Fushah yang telah berlangsung pada 7 Mei 2023 hingga 2 Julai 2023 secara dalam talian.

Sehubungan itu, sebagai tanda penghargaan kepada para tenaga pengajar dan peserta Program Pentaksiran dan Penilaian Kemahiran Bertutur Berbahasa Arab, Majlis Doa Kesyukuran dan Penghargaan serta Penyampaian Sijil telah diadakan petang tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan. Diikuti dengan ucapan daripada Ketua Unit Program Ta'zeez Al-Lughah Al-'Arabiah Bil Madaris Al-'Arabiah, Dr. Hajah Norasimah binti Haji Latip selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video dan seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dari Kesultanan Oman serta peserta daurah yang terdiri daripada 27 pelajar dan 13 tenaga pengajar.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, petang tadi menerima kunjungan hormat daripada Penasihat kepada Menteri Pendidikan dan Ketua Pejabat Menteri Pendidikan Kesultanan Oman, Dr. Saeed Saif Salim Al Ameri. Majlis tersebut berlangsung di Royal Suite, Parkview Hotel, Kampung Jerudong, di sini.

Turut hadir pada kunjungan hormat tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Dr. Saeed Saif Salim Al Ameri berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku Penyelia Am Program Kerjasama Kebudayaan di antara Kesultanan Oman dan NBD yang berlangsung pada Isnin, 20 November 2023 dan berakhir pada Isnin, 27 November 2023.



# Awang Abdul Wafiy, Dayang Farah Dibba johan qari, qariah MOFE

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BERAKAS**, Isnin, 27 November. - Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim dari Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Dayang Farah Dibba binti Abu Kassim dari Tabung Amanah Pekerja, masing-masing muncul johan qari dan qariah pada Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya Tahun 1445H / 2023M.

Sementara itu, naib johan qari disandang oleh Awang Khairun Nadzereen bin Haji Awang Md. Daud dari Jabatan Perbendaharaan dan tempat ketiga disandang oleh Awang Haji Mohamad Basren bin Haji Bintang dari Bursa Brunei Darussalam Sdn. Bhd.

Manakala naib johan qariah disandang oleh Dayang Irsyadah binti Haji Yakob dari Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Aqilah binti Hassan dari Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.





YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (kiri dan atas).

Majlis Penyampaian Hadiah bagi pertandingan tersebut berlangsung petang tadi di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang berserta cenderahati kepada hakim-hakim ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan dan bahagian; pegawai-pegawai kanan; pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis seumpama ini adalah salah satu aktiviti tahunan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya untuk menggalakkan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di samping mengetengahkan bakat-bakat di antara kalangan pegawai dan kakitangan.

Pada tahun ini, majlis telah diungkayahkan oleh Agensi Pelaburan Brunei, MOFE.

# CONTOHI AKHLAK, PERILAKU RASULULLAH

MAJLIS ILMU 2023

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin

**BERAKAS**, Selasa, 28 November. - Sesi terakhir Seminar Majlis Ilmu 2023 membentangkan empat kertas kerja dengan sub tema 'Amalan-Amalan Gaya Hidup Sihat dalam Islam', yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor UNISSA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

Kertas kerja yang bertajuk 'Kepentingan Penjagaan Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Di Abad Ke - 21' disampaikan oleh Psikologis Klinikal, Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Syahmun binti Haji Matassan.

Dalam pembentangan kertas kerja tersebut, beliau menyentuh akan kepentingan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri dari segi bagaimana masalah kesihatan mental boleh diatasi bersama dan perlu diambil tahu.

Ini termasuklah mendapat sokongan keluarga dan sosial, penjagaan kesihatan fizikal, akses kepada bantuan profesional serta pengamalan terapi doa serta zikir.

Perkara-perkara ini memainkan peranan yang sangat penting lebih-lebih lagi dalam kita menjalani kehidupan seharian di abad yang mencabar ini.

Manakala Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman, menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Konsep Kemaafan: Pendekatan terbaik untuk menggapai kebahagiaan hidup'.





**PSIKOLOGIS Klinikal, Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Syahmun binti Haji Matassan dan Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman semasa menyampaikan kertas kerjanya (kiri dan kanan).**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada sesi terakhir Seminar Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

Dalam kertas kerja itu, beliau menyentuh tentang konsep kemaafan dalam Al-Quran dan bagaimana akhlak berkenaan akan menjadikan seseorang dapat menggapai kebahagian hidup.

Akhlak dan perilaku yang dicontohi daripada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang disebut sebagai akhlak Al-Quran.

Kehidupan baginda yang begitu sederhana namun luar biasa sudah cukup untuk menjadi ikutan bagi umat Baginda. Antara akhlak Baginda adalah akhlak pemaaf.

Sementara itu, kertas kerja yang bertajuk 'Panduan Hidup Sihat Menurut Al-Quran' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Antara pengisian kertas kerja itu ialah penghuraian mengenai perlunya umat Islam menjalankan kehidupan mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, agar kehidupan yang kita jalani di dunia ini sentiasa mendapat reda Allah yang akan membawa kepada kejayaan dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak.

Seterusnya, Muhammad Yussof Haji Abdul Majid dari Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Memupuk Dan Memelihara Kesejahteraan Jiwa Berdasarkan Karya Tabib Kurun Ke-9, Abu Zayd Al-Balkhi: Masalih Al-Abdan Wa Al-Anfus'.

Beliau memfokuskan sumbangan Abu Zayd Al-Balkhi dalam mempromosikan kesejahteraan jiwa / mental, meneliti kaedah yang beliau gunakan untuk menyembuhkan penyakit jiwa / mental dan gejala-gejala yang menyebabkan gangguan jiwa / mental.

Dalam rangka ini, beliau menekankan kepentingan menjaga kesihatan jiwa / mental dan mencapai keseimbangan yang harmoni antara badan dan jiwa.

Seminar tersebut turut dibukakan kepada pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi kementerian dan agensi swasta serta orang awam yang berminat.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada seminar berkenaan.**

# Beri peluang kanak-kanak suarakan pandangan



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Azmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa 28 November. - Forum 'Voices of Children' memperlihatkan pelajar-pelajar memainkan peranan sebagai empat orang menteri dan empat orang ahli parlimen dengan seorang pengerusi yang membincangkan dan membahaskan empat isu utama iaitu isu 'Kesihatan, Pendidikan, Sosial dan Persekitaran'.

Forum yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2023 itu dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya menerangkan Forum 'Voices of Children' yang bertemakan 'Penyertaan, Untuk Setiap Kanak-kanak' itu dilaksanakan berkonsepkan seperti sesi permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara khusus bagi pelajar-pelajar sekolah termasuk kanak-kanak kelainan upaya.

Seramai 115 orang pelajar dari Tahun 9 hingga Tingkatan Enam daripada sekolah kerajaan dan swasta menghadiri forum

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Forum 'Voices of Children'.**

berkenaan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyuarakan pandangan mengenai hak asasi mereka dan penyertaan mereka dalam masyarakat.

Forum dipengerusikan oleh Natasha Emeralda Leong, penuntut Tingkatan Enam bawah Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES).

Sementara empat orang pelajar berperanan sebagai perwakilan menteri-menteri terdiri daripada Awang Md. Syahir Aqil bin Haji Md. Saiful Nurrizam merupakan penuntut Tahun 11, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Menteri Pendidikan; Dayang Arissa Azzahiran binti Haji Md. Sofia merupakan penuntut Tingkatan Enam bawah PTES selaku Menteri Kesihatan; Awang Akid Ukail@Ean Mikael bin Edi Farhan pula merupakan penuntut Tahun 10 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku Menteri Sosial; manakala Awang Md .Izzuddin bin Badaruddin merupakan penuntut Tingkatan Enam bawah PTES selaku Menteri Persekitaran.

Manakala empat pelajar lagi berperanan sebagai ahli parlimen terdiri daripada Awang Aaron Ang Wen Zi merupakan penuntut Tingkatan Enam bawah PTES selaku ahli parlimen isu Pendidikan; Awangku Md. Dhiyaul Rahman bin Pengiran Haji Kamaluddin merupakan penuntut Tahun 11 Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku ahli parlimen isu Kesihatan; Dayang Nur Badry Aqilah binti Suffry pula merupakan penuntut Tingkatan Enam bawah PTES selaku ahli parlimen isu Sosial manakala Awang Md. Syafiq Nuh@Md. Syafiq Akhbar bin Md. Nasir@Md. Nuh merupakan penuntut Tahun 10 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selaku ahli parlimen isu Persekitaran.

Antara yang dibahaskan semasa forum tersebut ialah isu Pendidikan yang membincangkan mengenai kesihatan mental dan beban tugas guru serta peluang-peluang pekerjaan bagi guru-guru tempatan, serta isu Kesihatan membincangkan mengenai obesiti khususnya aksesibiliti terhadap makanan yang kurang berkhasiat berbanding kepada makanan sihat dan juga bagaimana mempromosikan gaya hidup sihat.

Juga turut diketengahkan ialah isu Sosial yang membincangkan mengenai penggunaan media sosial dalam isu Keselamatan dan perkembangan kanak-kanak dan isu persekitaran pula membincangkan mengenai kebersihan air dan bagaimana untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan untuk sama-sama menjaga kebersihan alam sekitar.

Forum yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Brunei dan rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk badan-badan bukan kerajaan itu diakhiri dengan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada nara sumber, pengerusi dan ahli-ahli panel forum.



**PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya.**

# Dukung amalan munajat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Seminar Majlis Ilmu 2023 (atas). Manakala gambar kanan, kertas kerja disampaikan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.




**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS,** Isnin, 27 November. - Seminar Majlis Ilmu 2023 pada hari kedua hari ini telah membincangkan sub-tema 'Dasar Kerajaan yang Mendukung Amalan Munajat dan Kaitannya dengan Taubat', berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Kertas kerja bertajuk 'Peranan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) Dalam Mendukung Amalan Munajat' disampaikan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman yang antara lain mengetengahkan peranan PDI dalam mendukung amalan munajat sesuai dengan visi dan misinya melalui usaha-usaha yang diungkayahkan oleh bahagian-bahagian dan unit-unit di bawahnya dengan melibatkan warganya dan juga orang awam dalam sama-sama mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara zikir.

Manakala Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri telah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Peranan Hal Ehwal Masjid dalam mendukung Amalan Munajat Senegara' yang menyentuh akan peranan dan fungsi masjid kepada pelbagai golongan masyarakat, khasnya peranan JHEM yang bertanggungjawab menjadikan institusi masjid sebagai induk kepada pentadbiran, pemeliharaan riayah dan pengimarahannya untuk aktiviti keugamaan seperti munajat dan sebagainya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Inisiatif Institusi-Institusi Pendidikan Ugama Dalam Mendukung Amalan Munajat'.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan tersebut adalah sumbangan Institusi Pendidikan Ugama dalam mendukung amalan Munajat dengan memberi pengajaran dan bimbingan kepada pelajar-pelajar serta pada masa sama membantu menyebarkan kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan amalan ini yang perlu dilaksanakan dengan penuh rasa keikhlasan dan keyakinan semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada seminar tersebut ialah Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

Seminar adalah anjuran Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UNISSA, turut dibukakan kepada pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan agensi swasta serta orang awam yang berminat.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Seminar Majlis Ilmu 2023.

# AMALAN SUNNAH HARIAN DENGAN DOA TAUBAT, ZIKIR MUNAJAT




YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat bagi Seminar Majlis Ilmu Sesi Ketiga (atas kanan) dan seterusnya mendengarkan pembentangan bagi kertas kerja 'Amalan Sunnah Harian Untuk Kesejahteraan Hidup Keluarga' yang disampaikan oleh Ra'es KUPU SB (atas).

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS,** Selasa, 28 November. - Majlis Ilmu 2023 terus diisikan dengan beberapa lagi pembentangan Seminar Majlis Ilmu di mana untuk hari ini memasuki Seminar Sesi Ketiga.

Seminar tersebut membincangkan sub tema 'Doa Taubat dan Zikir Munajat : Amalan Harian Kepentingan dan Kelebihannya' yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada seminar tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Kertas kerja bertajuk 'Amalan Sunnah Harian Untuk Kesejahteraan Hidup Keluarga' yang disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar antara lain mengetengahkan akan pentingnya untuk mendekatkan semula umat Islam kepada prinsip-prinsip asas yang diajarkan Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam bagi kesejahteraan hidup setiap individu dan keluarga.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Sri Rahayu@Hajah Nurjanah binti Haji Dolah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Amalan Taubat Manifesto Rabbani Jaminan Kualiti Kehidupan Sejagat'.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan tersebut adalah wujudnya kecenderungan dalam menanggapi amalan bertaubat dan pengaplikasiannya melalui sembahyang, zikir dan doa secara individu mahu pun berjemaah dalam kehidupan religiositi masyarakat Muslim demi meraih keredaan Ilahi untuk kebahagiaan yang hakiki.



Manakala 'Kesejahteraan Hidup dari Perspektif Islam' disampaikan oleh Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wajamaah, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Muhammad Yusuf Khalid telah membincangkan kesejahteraan hidup daripada perspektif agama Islam.

Kesejahteraan hidup daripada perspektif agama Islam meliputi jasmani, emosi dan rohani untuk mencapai kesejahteraan dalam tiga perkara ini memerlukan ilmu kemahiran dan amalan agama yang ikhlas dan istiqamah.

Antara dapatan kajian ialah agama Islam menyediakan panduan yang jelas dan lengkap untuk keperluan jasmani, emosi dan rohani demi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Seterusnya, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Nur Huwaina binti Mahmud dalam tajuk 'Lazimi Taubat, Kunci Landasan Penyelesaian Masalah' telah menyentuh mengenai kesedaran dan kepentingan untuk melazimi dan menjadikan keinsafan sebagai asas landasan dan kunci untuk menyelesaikan masalah.

Kertas kerja ini menyimpulkan maksud taubat, kepentingan dan kesedaran untuk bertaubat dan amalan-amalan yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian.

Seminar berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama UNISSA dan turut dibukakan kepada pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan agensi swasta serta orang awam yang berminat.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan dari pelbagai kementerian dan jabatan.

# TINGKATKAN NILAI TAMBAH KEMAHIRAN MURID





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa merasmikan Hari Keusahawanan dan Jumble Sales 2023 dan seterusnya bergambar ramai bersama guru dan pelajar Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kanan, antara aktiviti keusahawanan yang diadakan.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BERAKAS**, Selasa, 28 November. - Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak pagi tadi mengadakan Hari Keusahawanan dan Jumble Sales 2023 bertempat di sekolah berkenaan, di sini.

Hari Keusahawanan tersebut dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin selaku tetamu kehormat.

Guru Besar Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak, Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Hassan berkata pihak sekolah telah menjemput penduduk kampung Lambak, penghuni Rumah Panjang Mendaram Besar dan vendor-vendor lain untuk menyertai Hari Keusahawanan itu sebagai salah satu aktiviti program 'School Community Outreach' dalam usaha memberi sumbangan kepada masyarakat.

"Pihak sekolah bersama murid-murid telah mengadakan lawatan ke Rumah Panjang Mendaram Besar pada dua tahun lepas, dan kami menyaksikan banyak produk kraf tangan yang dihasilkan oleh warga emas di sana ketika waktu lapang.

"Oleh itu, pihak sekolah telah menawarkan mereka untuk mempamerkan dan menjual produk-produk berkenaan semasa Hari Keusahawanan di sekolah tanpa mengenakan sebarang bayaran kepada mereka," ujar beliau.

Jelasnya, Hari Keusahawanan tersebut bertujuan untuk memberi peluang kepada para murid sekolah dan penduduk kampung berinteraksi antara satu sama lain, di samping meningkatkan nilai tambah kepada asas-asas kemahiran para murid sejak dari bangku sekolah sebagai persediaan mereka untuk berkhidmat dalam aktiviti kemasyarakatan apabila meningkat dewasa nanti.

Katanya, pihak Majlis Perundingan Kampung Lambak 'B' dan Rumah Panjang Mendaram Besar juga berpeluang meningkatkan prestasi sekolah dengan menyumbangkan kepakaran mereka untuk mengasah pelbagai aspek kemahiran hidup murid-murid dengan menyertai aktiviti ECA dan CCA termasuk memasak, sukan, kraf tangan dan hadrah.

Selain itu, katanya, Hari Keusahawanan itu turut memupuk sikap berniaga dalam kalangan warga sekolah dan penduduk kampung serta rumah panjang khasnya, selain mendedahkan mereka kepada pelbagai pengetahuan dan pengalaman baharu dalam bidang perniagaan dan keusahawanan.

Antara aktiviti keusahawanan yang diadakan pada acara tersebut ialah jualan kraf tangan, makanan dan minuman serta pameran kucing dan haiwan eksotik.



# 105 graduan MIC diraikan





**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan (kiri dan kanan).**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**JERUDONG**, Selasa, 28 November. - Seramai 105 graduan diraikan dalam Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa Micronet (MIC) yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, di sini.

Daripada jumlah 105 itu, seramai enam graduan Pearson BTEC Level 1 Introductory Diploma in Information Technology; 15 graduan Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology; tiga graduan Pearson BTEC International Level 2 Certificate in Information Technology; 40 graduan Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Information Technology dan 41 graduan Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad.

Dua graduan juga terpilih menerima Anugerah Kepujian Khas (Special Merit Awards) atas pencapaian mereka iaitu Dayang Norhazatul A'tiyah binti Haji Mohamad Zuhdi yang dalam jurusan Pearson BTEC International Level 3 Diploma in Information Technology dan Dayang Hisyamatul Hazimah binti Ramliee dalam jurusan Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing.

Kedua-dua penerima anugerah berkenaan dalam ucapan mereka melahirkan penghargaan dan mengongsikan pengalaman terindah sepanjang pengajian mereka di kolej tersebut. Majlis berkenaan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.





**SEBAHAGIAN daripada graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa Micronet (kiri dan kanan).**

# KEMBANGKAN KREATIVITI, INOVATIF PELAJAR



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan menyampaikan hadiah dan sijil-sijil kepada para pemenang pertandingan (atas). Manakala gambar bawah kanan, Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa berbual mesra bersama para pelajar.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**KATOK,** Isnin, 27 November. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC) hari ini mengadakan Majlis Konvensyen Pertandingan Celik-Biz Kali Kelima bagi penuntut-penuntut sekolah rendah seluruh negara dan Pertandingan BigStart Kali Ke-10 bagi sekolah menengah dan maktab seluruh negara yang diadakan di Dewan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS).

Bagi Pertandingan Celik-Biz pada tahun ini, juara disandang oleh Kumpulan Brightful Scholars dari Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan dengan mengetengahkan produk Musyarakah Ilmiyah.

Kumpulan GreenGrow Thumbs dari Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49 dengan nama produk GreenGrow 49 Hydroponic Kit meraih tempat kedua, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan The 5 Conquerers dari Sekolah Rendah Rimba 2 dengan nama produk Conquer Brunei.

Sementara itu, Kumpulan Al-Rasyidin dari Ma'had Islam Brunei yang menampilkan produk PrayerVerse dinobatkan juara Pertandingan BigStart pada tahun ini.

Kumpulan Intisar dengan nama produk Hamza dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar dan Kumpulan Metanoia dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dengan nama produk mereka Saving Tah masing-masing meraih tempat kedua dan tempat ketiga.

Penyampaian hadiah dan sijil-sijil kepada para pemenang pertandingan disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, tetamu kehormat melawat pameran hasil produk-produk pertandingan, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, SUAMPRIPAHS, Pengiran Haji Mohd Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video sepanjang pertandingan dijalankan.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, bahagian, unit dan pusat; pegawai-pegawai kanan serta pengetua dan guru besar di bawah Kementerian Pendidikan serta Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pertandingan Celik-Biz ialah pertandingan pendidikan keusahawanan dan inovasi pelajar-pelajar Sekolah Rendah Tahun 4 dan 5 untuk menghasilkan satu prototaip yang kreatif dan inovatif, satu portfolio serta satu video pembentangan (*pitching*) mengikut lima sub-tema yang dipilih.

Manakala BigStart ialah pertandingan pendidikan keusahawanan dan inovasi bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan Maktab Tahun 9 dan 10.

Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar-pelajar Tahun 4 dan 5 bagi sekolah-sekolah rendah dan Tahun 9 dan 10 bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab termasuk sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di bawah Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pengajian Islam.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk mengembangkan kreativiti, pendekatan pragmatik, realistik dan inovatif pelajar dalam merancang sesuatu projek berasaskan elemen keusahawanan dan penambahbaikan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan sekeliling seperti mana sub-tema pada tahun ini.

Selain itu, pertandingan ini memberikan kemahiran hidup kepada para pelajar supaya lebih mandiri, proaktif, berdaya saing serta berdikari sesuai dengan kemahiran Abad Ke-21 dalam pendidikan iaitu 6C (Collaboration, Critical Thinking, Character, Communication, Creativity, Citizenship).

Tema bagi tahun ini ialah Entrepreneurship and Innovation dan dengan lima sub-tema iaitu Innovation, Edutainment, Digitalisation, Agroducation dan Smart Experiment.

Pertandingan ini juga bagi mendukung dan selaras dengan Pelan Strategik 2023 – 2027 Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kompetensi-kompetensi para pelajar melalui strategik objektif satu iaitu Nurture Future-Ready Learners dan strategik objektif dua iaitu Enhance Innovative Education Ecosystem.



منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلوأن قوسة دعوه اسلاميه

# Hikmah dengan sifat sabar

**SABAR** adalah salah satu daripada sifat mahmudah yang perlu dan mesti wujud dalam diri setiap umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana sifat sabar adalah perkara asas dalam akhlak agama Islam, bahkan ia juga ibu kepada segala akhlak di dunia ini. Sabar adalah satu sifat manusia yang bererti menahan dan menanggung diri daripada perkara yang tidak disukai Allah kepada yang disukai atau menahan dan menanggung diri daripada yang disukai nafsu kepada yang disukai Allah. Berpandukan kepada pengertian itu, sabar adalah satu istilah yang mengandungi pelbagai makna dan nama.

Sabar adalah senjata terpenting manusia, lebih-lebih lagi diri manusia sentiasa menghadapi pelbagai ujian. Dengan sifat ini membolehkan manusia mengatasi ujian dan mencapai kejayaan. Firman Allah dalam Surah Ali-'Imran, ayat 200 yang mafhumnya : *"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan), kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedialah (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)".*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al-Furqaan, ayat 75 yang mafhumnya : *"Mereka itulah yang akan dibalas dengan darjat yang tinggi (di syurga) disebabkan kesabaran mereka dan mereka pula akan menerima penghormatan dan ucapan salam (selamat sejahtera) di dalamnya".*

Mengapa ia disebut kesabaran? Kerana orang yang berusaha menegakkan kebenaran hendaklah mempunyai kekuatan diri dan melatih diri mereka menjadi hamba Allah yang sebenar-benarnya dan sudah pasti akan menghadapi kesukaran dari setiap sudut kehidupan ini. Dalam hal ini sudah setentunya memerlukan pengorbanan dan kadang-kadang melibatkan pengorbanan darah dan air mata. Malah seorang Muslim yang memiliki sifat sabar itu berhak mendapat Jannatun Naim, iaitu suatu tempat tinggal yang tenteram, kediaman yang penuh bahagia dan disambut oleh para Malaikat.

Orang yang mempunyai sifat sabar adalah orang yang berani menanggung segala cubaan yang datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti menanggung kesusahan, kepedihan, kesengsaraan di dalam mengharungi perjalanan kehidupan sehari-hari termasuklah kepada masyarakat yang ada di sekelilingnya. Selain itu juga, kesabaran dalam memikul tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara adalah termasuk di dalam salah satu tuntutan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.

Orang yang mempunyai sifat sabar tidak akan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syarak kerana dengan adanya sifat sabar inilah seseorang boleh menghindarkan diri daripada melakukan maksiat dan segala perbuatan yang boleh memesongkan perasaannya untuk membuat sesuatu pekerjaan atau perbuatan jahat bahkan sesuatu sifat yang boleh merosakkan pandangan masyarakat terhadap dirinya. Dengan adanya sifat sabar inilah juga seseorang itu dapat menghindarkan diri dari melakukan segala kesilapan dan kemusnahan.

Sifat sabar boleh kita bahagikan kepada tiga iaitu, pertama, sabar atas segala takdir kesusahan, kesakitan, ujian dan dugaan serta bala bencana daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kedua ialah sabar atas ketaatan dan kepatuhan menjalankan perintah, suruhan dan hukum-hukum Allah dan ketiga ialah sabar menahan diri daripada melakukan maksiat.

Di antara ketiga bahagian sifat itu, sifat sabar menahan diri daripada melakukan perbuatan maksiat dan larangan Allah itulah yang paling tinggi nilainya dan lebih utama.

Kesimpulannya, sifat sabar itu adalah merupakan satu sifat yang amat terpuji dan disanjungi dan mendapat tempat mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah antara sedikit sebanyak teladan dan panduan yang menjadi petunjuk jalan untuk menghadapi kehidupan sehari-hari supaya kita tidak terpesong ke jalan yang sesat dan dimurkai Allah.

Sikap sabar akan memberi ganjaran kepada manusia baik di dunia atau akhirat. Ini dijelaskan dalam Al-Quran bahawa setiap kebaikan itu walaupun sebesar zarah akan mendapat balasan dan ganjaran baik. Begitu jugalah ganjaran terhadap sifat sabar kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan membuat kebajikan. Allah menjanjikan balasan yang baik dan kemenangan yang besar bagi orang-orang yang sabar.

Sabar adalah antara sifat orang-orang Mukmin dan menjadi salah satu amalan salih. Orang yang melakukannya akan mendapat ganjaran pahala yang besar. Firman Allah dalam Surah An-Nisaa', ayat 124 yang mafhumnya : *"Dan sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan soleh sama ada lelaki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka mereka itu masuk syurga dan tidak dianiaya walau sedikit pun".*

Begitulah besarnya hikmat sabar dalam kehidupan kita sebagai umat Islam. Tanpa adanya sifat sabar, kehidupan yang sempurna tidak akan wujud. Semuanya akan menjadi kucar-kacir dan porak peranda. Oleh yang demikian dalam kehidupan kita ini memerlukan sifat kesempurnaan yang sejati, kerana itulah, perlunya memiliki sifat sabar dan mensyukuri nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kita semua.

# Mengerjakan Sembahyang Sunat Rawatib Ketika Sembahyang Jamak

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**SEMBAHYANG**-sembahyang sunat Rawatib itu antaranya ialah sembahyang sunat yang mengiringi sembahyang fardhu lima waktu. Jika dilakukan sebelum menunaikan sembahyang fardhu ia disebut sebagai sembahyang sunat *qabliyyah*, manakala jika dilakukan selepas sembahyang fardhu ia disebut sebagai sembahyang sunat *ba'diyyah*.

Sembahyang sunat Rawatib yang mengiringi sembahyang fardhu sunat dilakukan sama ada ketika *muqim* (tinggal menetap di suatu tempat) ataupun ketika dalam pelayaran. Akan tetapi, mengerjakannya ketika *muqim* adalah lebih dituntut. Jika seseorang itu *muqim*, sembahyang sunat Rawatib dilakukan mengikut sebagaimana waktunya yang ditetapkan iaitu sebelum sembahyang fardhu bagi sembahyang sunat *qabliyyah* atau selepas sembahyang fardhu bagi sembahyang sunat *ba'diyyah*.

Walau bagaimanapun, timbul kemusykilan tentang cara pelaksanaannya ketika dalam pelayaran sekiranya seseorang itu mengambil *rukhshah* (keringanan) untuk mengerjakan sembahyang secara jamak. Maka Irsyad hukum kali ini menjelaskan tentang cara mengerjakan sembahyang sunat Rawatib ketika sembahyang jamak.

Jika seseorang itu mengerjakan sembahyang jamak, cara pelaksanaan sembahyang sunat Rawatib yang mengiringi sembahyang fardhu tertakluk pada sembahyang jamak yang dilakukannya sama ada secara jamak taqdim atau jamak ta'khir.

### Sembahyang Sunat Rawatib Ketika Jamak Taqdim

Jamak taqdim ialah mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur dan Asar dalam waktu Zuhur atau mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib dan Isya dalam waktu Maghrib.

Antara perkara yang disyaratkan dalam sembahyang jamak taqdim ialah tertib dan *muwalah*. Tertib bermaksud memulakan sembahyang fardhu yang pertama terlebih dahulu daripada sembahyang fardhu yang kedua. Ini bererti, seseorang yang hendak mengerjakan sembahyang secara jamak taqdim hendaklah mengerjakan dua sembahyang itu secara tertib dengan memulakan sembahyang yang pertama iaitu sembahyang fardhu Zuhur atau Maghrib kemudian diikuti selepas itu mengerjakan sembahyang fardhu Asar atau Isya. Jika dia mengerjakan sembahyang jamak taqdim tanpa tertib seperti dia mendahulukan sembahyang fardhu Asar daripada sembahyang fardhu Zuhur, maka tidak sah sembahyang fardhu Asar itu dan hendaklah dia mengulang sembahyang fardhu Asar itu selepas sembahyang fardhu Zuhur jika dia ingin meneruskan jamak dengan sembahyang fardhu Zuhur.

Manakala *muwalah* pula bermaksud berturut-turut iaitu tidak memisahkan antara dua sembahyang fardhu yang dijamak dengan jarak waktu yang panjang.

Oleh yang demikian bagi memenuhi tuntutan syarat *muwalah* dalam sembahyang jamak taqdim, sembahyang sunat Rawatib hendaklah dilakukan sama ada dengan cara:

i. Mendahulukan sembahyang sunat *qabliyyah* bagi sembahyang fardhu yang pertama ke atas kedua-dua sembahyang fardhu yang dijamak, kemudian selepas mengerjakan kedua-dua sembahyang fardhu yang dijamak, barulah mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* bagi sembahyang fardhu yang pertama dan diikuti sembahyang sunat *qabliyyah* dan *ba'diyyah* bagi sembahyang fardhu yang kedua.

ii. Mengerjakan kedua-dua sembahyang fardhu yang dijamak terlebih dahulu, kemudian selepas mengerjakan kedua-dua sembahyang fardhu yang dijamak, barulah mengerjakan semua sembahyang sunat *qabliyyah* dan *ba'diyyah* bagi kedua-dua sembahyang fardhu.

Sebagai contoh, sembahyang sunat Rawatib bagi sembahyang jamak taqdim Maghrib dan Isya boleh dilakukan dengan dua cara berikut:

Cara pertama:
a. Mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
c. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.

Cara kedua:
a. Mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
c. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.

### Sembahyang Sunat Rawatib Ketika Jamak Ta'khir

Jamak ta'khir ialah mengerjakan sembahyang fardhu Zuhur dengan Asar di dalam waktu Asar atau mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib dengan Isya di dalam waktu Isya.

Berbeza halnya dengan sembahyang jamak taqdim, sembahyang jamak ta'khir tidak disyaratkan tertib dan *muwalah*. Walau bagaimanapun, mengerjakan dua sembahyang yang dilakukan secara jamak ta'khir itu secara tertib dan *muwalah* hukumnya adalah sunat. Adapun cara mengerjakan sembahyang sunat Rawatib ketika mengerjakan sembahyang jamak ta'khir secara tertib dan *muwalah* adalah sama sebagaimana cara mengerjakannya ketika jamak taqdim.

Oleh kerana tertib dan *muwalah* tidak disyaratkan dalam sembahyang jamak ta'khir, maka sembahyang sunat Rawatib dalam jamak ta'khir boleh dikerjakan dengan beberapa cara selagi sembahyang sunat *ba'diyyah* tidak mendahului sembahyang fardhunya. Sebagai contoh, sembahyang sunat Rawatib bagi sembahyang jamak ta'khir Maghrib dan Isya boleh dilakukan dengan beberapa cara, antaranya:

Cara pertama:
a. Mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
c. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.

Cara kedua:
a. Mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.




c. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.

Cara ketiga:
a. Mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
c. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.

Cara keempat:
a. Mengerjakan sembahyang fardhu Isya.
b. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Isya.
c. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Isya.
d. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *qabliyyah* Maghrib.
e. Kemudian mengerjakan sembahyang fardhu Maghrib.
f. Kemudian mengerjakan sembahyang sunat *ba'diyyah* Maghrib.

Demikian penjelasan kaifiat atau cara mengerjakan sembahyang sunat Rawatib ketika mengerjakan sembahyang jamak.

# BDCB kemas kini senarai Alert List

**Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan BDCB, atau mana- mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB mengenai aktiviti- aktiviti syarikat berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB bagi bulan Oktober 2023 iaitu *Bibd_trading_investment* (IG Profile) (8903072) (kononnya menyalahgunakan 'BIBD') / *Smart Trader Investment* (IG Profile) (8903072) / *Smard_trader* / *Smart_trader_official_bn* / *Smart_trader777* / *Smart_investment_brunei* / *Invest_smart_trade_official* / *Investment_smart_trader* / +6285933814073/ 7323259; *Company Asia* (FB Profile) (8649441); *Gold Saham Trade Investment* (IG Profile) (8903541); *Loan Agency BND* (7261284); *Loan Online* (FB Profile) (8896907 & 7308510); *Royal gold trader* (FB profile) (8956320); *Sterilizednice666* (IG Profile); *Sukses Berjaya* (FB Profile); dan *Syerikat Usin Loan* (FB Profile) (7454764) / *Refinance Usin Loan* (FB Profile) (8889544).

Oleh yang demikian, BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap entiti atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan entiti, syarikat atau individu yang tidak di lesen atau dikawal selia.

Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan dan boleh didapati di laman sesawang BDCB. Oleh itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di *www.bdcb.gov.bn* atau Instagram BDCB *@centralbank.brunei* untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian +673 2380007 atau +673 8380007 atau e-mel melalui *fci@bdcb.gov.bn*.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Pusat Pembangunan Belia

Kenyataan Tawaran
Tender Notice

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 17

Tajuk Sebut Harga :
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Vehicle Body Repair Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 18

Tajuk Sebut Harga :
Twenty Four (24) Months Term Contract For General Pest Control Services To Youth Development Centre Premise / Compound, Ministry Of Youth, Culture And Sport, Tanah Jambu Main Road, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 19

Tajuk Sebut Harga :
Terms Contract 12 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Plumbing Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

Tarikh Tutup :
Khamis, 7 Disember 2023
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

Bilangan Tawaran :
KK / 254 / 2023 / SSBH(TC)

Keterangan :
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Medical Compressed Air and Associated Accessories At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND50.00

Bilangan Tawaran :
KK / 255 / 2023 / SSBH

Keterangan :
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Vehicles Under Estet Management Section At Suri Seri Begawan Hospital, For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran :
KK / 256 / 2023 / SSBH

Keterangan :
Kerja-Kerja Membekal Dan Pemasangan Atap Baharu Ke Atas Bangunan Block 'Q', 'B' & 'D' Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

Kelayakan Pembekal / Pemborong :
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

Kelas : II & III

Kategori : B01, E01 dan KA01

Yuran Tawaran :
BND30.00

Tarikh Tutup :
12 Disember 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II, IV & V

Kategori :
KPME05

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
12 Disember 2023, (Selasa)

Tarikh Tutup :
26 Disember 2023, (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 37 / 2023

Nama Projek :
Penggantian Halon 1301 Extinguisher System Bagi Bangunan Undang-Undang

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
V

Kategori: M01 & E01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
12 Disember 2023 (Selasa)

Tarikh Tutup :
26 Disember 2023 (Selasa)
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BOP-ACM / 36 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Jentera Penghawa Dingin (Chiller) Di Bangunan Kawalan Trafik Udara, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 - 2024 / 37

Tajuk Tawaran:
"Membekal dan Membaik Pulih Bilik Mesyuarat Daya Saing, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan"

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
7 Disember 2023,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas : II & III sahaja

Kategori : KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / SRM 18 / 2023

Nama Projek :
Menambah (Pelaluan) Tepi Jalan Kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
29 November 2023

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Tidak lewat
Selasa,
19 Disember 2023,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
26 Disember 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas: IV & V

Kategori : E01 & E02

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
12 Disember 2023
(Selasa)

Tarikh Tutup :
26 Disember 2023
(Selasa)
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 35 / 2023

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih dan Menaik Taraf Bangunan Muzium Brunei dan Bangunan Pameran Secara Menyeluruh – Membekal dan Memasang 'Generator Set'

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SPA, BSB / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan (Bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit)

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SAT, SUPMMB / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Temburong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiah

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1444H - 1445H / 2023M - 2024M

Tarikh Tutup Menghantar Borang Sebut Harga :
Rabu, 29 Jamadilawal 1445H / 13 Disember 2023M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
**II & III sahaja**

**Kategori :**
**Syarikat Yang Berdaftar Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Air Sahaja**

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
**Selasa,
12 Disember 2023.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa,
26 Disember 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**1. Bilangan Tawaran :**
**JKR / DWS / 036 / 2023**

**Nama Projek :**
**Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Membaik Pulih Ke atas Kerosakkan Meter Air dan Penyambungan Paip Berukuran 100MM, 50MM Ke bawah Lengkap Dengan Peralatan Berkaitan Untuk Zon 1 & Zon 2, Daerah Brunei Muara**

**2. Bilangan Tawaran :**
**JKR / DWS / 037 / 2023**

**Nama Projek :**
**Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Membaik Pulih Ke atas Kerosakkan Meter Air dan Penyambungan Paip Berukuran 100MM, 50MM Ke bawah Lengkap Dengan Peralatan Berkaitan Untuk Zon 3 & Zon 4, Daerah Brunei Muara**

**3. Bilangan Tawaran :**
**JKR / DWS / 038 / 2023**

**Nama Projek :**
**Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Membaik Pulih Ke atas Kerosakkan Meter Air dan Penyambungan Paip Berukuran 100MM, 50MM Ke bawah Lengkap Dengan Peralatan Berkaitan Untuk Zon 5, Daerah Brunei Muara**

**4. Bilangan Tawaran :**
**JKR / DWS / 039 / 2023**

**Nama Projek :**
**Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Membaik Pulih Ke atas Kerosakkan Meter Air dan Penyambungan Paip Berukuran 100MM, 50MM Ke bawah Lengkap Dengan Peralatan Berkaitan Untuk Zon 6 & Zon 7, Daerah Brunei Muara**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00
(Tidak dikembalikan)**

---

**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 319 / 2022**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Nardi bin Tana
(31-013995)
- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :
Nardi bin Tana
No 18, Simpang 162, Kg Perpindahan Mentiri, Jalan Kota Batu, BU2129
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
10 Julai 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
8 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 4 Disember 2023, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Disember 2023, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :
8 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 183 / 2023**

**BIBD AT-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Samrin Syafiie bin Samri
(01-071116)
- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :
Samrin Syafiie bin Samri
No 7, Simpang 18, Jalan 17, Kg Perpindahan Lambak Kanan, BC2915,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
16 Ogos 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
13 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 7 Disember 2023, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **7 Disember 2023, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :
13 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 103 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Ariffin bin Md Daud
(01-043608)
- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :
Mohammad Ariffin bin Md Daud
No 17, Jalan Pengkalan Pinang, Kg Penanjong Tutong, Tutong, TA2741
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
24 Jun 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Julai 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 27 November 2023, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **27 November 2023, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 79 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Noradysham bin Abd Wahab
(00-296879)
- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :
Noradysham bin Abd Wahab
No 19, Simpang 213, Jalan Bukit Bilid, RPN Bukit Beruang, Tutong,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :
12 September 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 29 November 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **29 November 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :
7 November 2023**

**Mohammad Marzuqi bin Sabtu
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 261 / 2022**

**Baiduri Finance Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Hazwan bin Ramlee (00-310800) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **14 Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Hazwan bin Ramlee**
**No 140, Kg Bukit Sibut, Jalan Tanjong Maya, Tutong, TD2541**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**9 Januari 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**11 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **14 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 8 Januari 2024, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Januari 2024, jam 10.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**11 November 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 181 / 2023**

**BIBD AT-Tamwil Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Azmi bin Haji Mohd Safri (01-050408) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Azmi bin Haji Mohd Safri**
**No 2, Simpang 63, Jalan 64, Perpindahan Lambak Kanan, BC3115,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**28 Ogos 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**26 Oktober 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 23 Januari 2024, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Januari 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**26 Oktober 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 157 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Muhammad Af-Fa'iz bin MUhammad Al Fadillah (01-030159) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 September 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Muhammad Af-Fa'iz bin Muhammad Al Fadillah**
**No 73, Simpang 70, RPN Lumut Teres, Jalan Mengkubok, Sungai Bakong,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**28 Ogos 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**26 Oktober 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 September 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 23 Januari 2024, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Januari 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**26 Oktober 2023**

**Kes No.**
**BCY / CP / 221 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad - Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Roslan bin Abdul Rahman (trading under the name and style of Mix Coco Enterprise) (00-255221) - Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 **Oktober 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Roslan bin Abdul Rahman (trading under the name and style of Mix Coco Enterprise)**
**No 11, Simpang 52-25-15, Kg Mata-Mata, Gadong**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
7 Oktober 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
**11 November 2023**

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 Oktober 2023**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 28 Februari 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **28 Februari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**18 November 2023**

**Kes No. BCY / CP / 87 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Abd Rashid bin Ahmad (BYIC No. 00-079307) - **Alamat -** No 12, Simpang 120-48-35-9, Jalan Jaya Indera, STKRJ Kg Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 87 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya -** Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 27 September 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
26 September 2023

**Nurul Hidayah binti Hamdan**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Negara Brunei Darussalam**

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA PERLU DIKEMBANGLUASKAN SEIRING KEPERLUAN PASARAN



**SEKITAR Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelima Ketua-Ketua Utiliti dan Autoriti Tenaga ASEAN bagi Sumber Tenaga Manusia Kali Ke-11 (11th. Meeting of the ASEAN Heads of Utilities and Energy Authorities (HAPUA) Working Group 5 for Human Resource - 11th HAPUA WG5 HR) yang berlangsung Dewan Songket, Rizqun International Hotel (kiri dan bawah).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**GADONG**, Selasa, 28 November. - Majlis Perasmian Mesyuarat Kumpulan Kerja Kelima Ketua-Ketua Utiliti dan Autoriti Tenaga ASEAN bagi Sumber Tenaga Manusia Kali Ke-11 (11th. Meeting of the ASEAN Heads of Utilities and Energy Authorities (HAPUA) Working Group 5 for Human Resource – 11th HAPUA WG5 HR) telah berlangsung Dewan Songket, Rizqun International Hotel, pagi tadi.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Awang Ahmad Ridza bin Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Ahmad Ridza menekankan bahawa pembangunan sumber manusia perlu dikembangluaskan seiring dengan keperluan pasaran dan Mesyuarat Kumpulan Kerja ini telah menyediakan sebuah platform untuk bertukar-tukar pendapat dan pengalaman bagi mempersiapkan sebuah organisasi utiliti pembekal tenaga dalam menghadapi cabaran dan peluang termasuk kesan proses peralihan tenaga dan digitalisasi pada masa ini.

Mesyuarat 11th. HAPUA WG5 HR diadakan selama dua hari, dengan bertemakan 'Persiapan Tenaga Kerja Untuk Masa Depan' (Futureproofing The Workforce).

Ia dihoskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Tenaga Nasional Berhad, Malaysia.

Seramai 77 orang perwakilan daripada utiliti-utiliti pembekal tenaga Negara-negara Anggota ASEAN telah menghadiri mesyuarat berkenaan.

Pelbagai kertas kerja menjurus kepada pembangunan tenaga kerja akan dibentangkan dan dibincangkan oleh utiliti–utiliti pembekal tenaga negara-negara anggota ASEAN dalam sama-sama bertukar-tukar pendapat dan pengalaman bagi meningkatkan dan memperkukuhkan lagi sistem sumber manusia utiliti pembekal tenaga masing-masing yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat di rantau ASEAN.

Ini selaras dengan objektif Kumpulan Kerja HAPUA Ke-5 untuk membolehkan negara-negara anggota ASEAN berkongsi mengenai strategi, amalan, cabaran dan pengalaman ahli-ahli utiliti dalam peningkatan sumber tenaga manusia.



# 67 pelajar cemerlang SM YSHHB menerima anugerah





**SUASANA Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dalam Akademik SM YSHHB yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB (kiri dan kanan).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 28 November. - Dengan menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif, ia membolehkan setiap pelajar berkembang maju sambil mereka bekerja keras dalam mencapai prestasi terbaik peribadi mereka, baik dari segi akademik mahupun dalam aktiviti kokurikulum.

Di samping itu, dengan mempercayai potensi dalam pembangunan para pelajar, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) mampu menyediakan setiap peluang untuk mengeluarkan para pelajar yang terbaik.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Chong Li Chen selaku Pengetua SM YSHHB semasa Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dalam Akademik SM YSHHB yang berlangsung di Dewan Serbaguna, SM YSHHB, di sini.

Tambahnya, program akademik dirancang dan dilaksanakan dalam menyediakan pilihan mata pelajaran terbaik untuk para pelajar, dengan pembelajaran dilanjutkan ke sebelah petang untuk pelajar menengah atas.

Sebagai tambahan kepada program akademik menurutnya, SM YSHHB juga menawarkan pelbagai jenis kokurikulum untuk aktiviti menengah atas yang kini termasuk Lawan Pedang, Kickboxing, Frisbee, Karate dan pelbagai kelab-kelab baharu yang dirancang untuk tahun hadapan.

"Untuk menyemai kemahiran kepimpinan dan pembangunan sahsiah pelajar, kami berbangga menganjurkan kem motivasi yang dipanggil Kem Kitani yang telah dimulakan pada tahun 2016. Kami berbesar hati dapat menganjurkan Kem Kitani Ke-5 tahun ini selepas tiga tahun berehat. Sukacita dimaklumkan bahawa Kem Kitani Ke-6 akan dianjurkan pada cuti penggal kedua tahun hadapan. Diharapkan ibu bapa memberikan sokongan penuh untuk anak-anak mereka menyertainya," ujarnya lagi.

Menyentuh mengenai program antarabangsa, Pengetua SM YSHHB mengongsikan, program tersebut disambung semula tahun ini dengan penyertaan pelajar di dalam Forum Pelajar Sekolah Menengah Asia dan Oceanian di Wakayama, Jepun.

Dua lagi pertukaran pelajar antarabangsa terangnya, telah diadakan secara maya pada tahun ini iaitu pertukaran pelajar secara maya dari RVHS dan Persidangan Laman Sesawang Pelajar Antarabangsa (International Students' Web Conference) anjuran Sekolah Tinggi Kumho di Korea. Terdapat lebih banyak program antarabangsa dalam perancangan untuk tahun hadapan.

Terdahulu itu, Pengetua SM YSHHB menjelaskan, Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang dalam Akademik SM YSHHB yang diadakan setiap tahun adalah bagi meraikan pencapaian akademik dan kegemilangan pelajar-pelajar sekolah ini dalam aktiviti kokurikulum.

Majlis Penyampaian Hadiah jelasnya, dibahagikan kepada kategori akademik dan bukan akademik, yang mana di bawah kategori akademik, pelajar diiktiraf terbaik dalam setiap mata pelajaran, tiga pelajar terbaik dalam setiap kelas dan pelajar terbaik dalam setiap peringkat dari Tahun 7 hingga Tahun 10.

Sementara itu, kategori kedua adalah untuk meraikan mereka yang cemerlang dalam bidang bukan akademik, dan ia adalah pengiktirafan pelajar paling aktif dan kelab paling aktif.

Seramai 67 pelajar cemerlang menerima anugerah masing-masing bagi kategori Terbaik dalam Mata Pelajaran, Teratas Dalam Kelas, Teratas Dalam Setiap Peringkat, Terbaik dalam CCA, Pelajar Paling Aktif, Terbaik Dalam Bacaan, Terbaik Dalam Tulisan Jawi, Projek Paling Berkesan, dan Anugerah 'Special Mention'.

# PEMANTAUAN BANJIR DI DAERAH BELAIT



ANTARA kawasan yang dilanda banjir (atas dan bawah).

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BELAIT,** Selasa, 28 November. - Keadaan hujan turun sejak kebelakangan ini telah menyebabkan beberapa kawasan terutama sekali kawasan pedalaman mengalami banjir dan beberapa jalan raya ditenggelami air.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah membuat pemantauan ke kawasan-kawasan yang terjejas oleh banjir di Mukim Sawat dan Mukim Labi Daerah Belait.

Laporan pada sebelah pagi, hari ini di Simpang 1366 Merangking Hilir, sukatan paras air meningkat 0.80 meter (m) dan jarak banjir adalah 100m, jalan ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis Saloon dan 4x4 (Four Wheel Drive).

Sementara itu, tiada tanda banjir dilaporkan di Jalan Utama Merangking Hilir, Jalan Singap, Jalan Laid Lakang, Jalan Menuju ke Jambatan Sungai Kagu dan Kampung Sungai Mau.

Di Jalan Kandul, sukatan paras air meningkat 0.80m dan jarak banjir adalah 200m, jalan ini tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis Saloon dan 4x4 (Four Wheel Drive)

Manakala di Jalan Utama Bukit Puan, Jalan Beluhur dan Jalan Sungai Patai, tiada tanda banjir dilaporkan dan jalan tersebut adalah selamat untuk dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengetahui maklumat keadaan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam. Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat lanjut.








# Kenali Bahasa Brunei

**Manjampurut** bermaksud
1 sangat lebat tentang buah.
Contoh pemakaian kata : ***manjampurut*** ampalam atu babuah taun ani.
2 kiasan sangat ramai yang datang.
Contoh pemakaian kata : bakacambai ih, sekalinya datang ***manjampurut*** bah jelama masa ari raya ah.

**Janjit** bermaksud tidak teguh bentuk atau keadaan sesuatu benda.
Contoh pemakaian kata : jangan tah kau mambali galang ani Dang yang usulnya ***janjit*** ah, bisai tah yang tagap batah mamakai.

**Bajaur** bermaksud pergi ke mana-mana tanpa arah tujuan.
Contoh pemakaian kata : pasan babu, daripada ***bajaur*** bisai pulang ka laut mamukat bahapa.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**




Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

# Kek Keju Durian Buang Bulan
## Kampung Buang Bulan

**BAHAN-BAHANNYA :**
4 biji telur ayam
45 gram gula
1 sudu makan *ovalette*
80 gram tepung gandum
1 sudu teh *baking powder*
50 gram mentega

**CARA-CARA MEMBUATNYA :**

Pukul telur dengan gula sampai kembang. Masukkan *ovalette*, pukul lagi sampai kental. Masukkan tepung sedikit demi sedikit sampai habis dan sebati. Masukkan *baking powder*.

Akhir sekali, masukan mentega dan pukul lagi sampai sebati.

Sediakan loyang dan sapu dengan mentega, dibagi kertas minyak. Kemudian, adunan dibahagi kepada dua adunan. Tuang adunan ke dalam loyang dan bakar dalam oven kepanasan 150 darjah Celcius api atas dan bawah.

Bakar sampai masak.

Apabila kek sudah masak, keluarkan dari oven dan sejukkan.

Bila sejuk, sapukan krim *cheese* tadi dan ratakan. Apabila sudah rata, masukan ke dalam peti ais dan sedia untuk dihidang.

**UNTUK KRIM**
**BAHAN-BAHANNYA :**
Durian (dikisar)
250 gram keju krim
Susu manis secukupnya
Pewarna kuning

**CARA MEMBUATNYA :**

Keju krim putar hingga sebati, masukkan susu manis dan durian kuning.

Selepas itu, masukkan pewarna kuning.

# SEMBAHYANG SUNAT HAJAT BAGI KELANCARAN JAMBORI NASIONAL





**YANG Di-Pertua PPNBD (President), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyertai Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon kemudahan dan perlindungan pelaksanaan Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam (kiri dan bawah kiri).**

**TUTONG**, Selasa, 28 November. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) baru-baru ini telah menganjurkan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon kemudahan dan perlindungan pelaksanaan Jambori Nasional Ke-5 Brunei Darussalam yang akan diadakan bermula 2 Disember hingga 7 Disember 2023.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Yang Di-Pertua PPNBD (President), Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas. Hadir sama, Ketua Pesuruhjaya, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Jambori yang akan dilaksanakan merupakan kegiatan perkhemahan yang dihasratkan mengumpulkan ahli-ahli pengakap dari dalam dan luar negeri.

Peserta-peserta akan mengikuti kegiatan luar seperti kemahiran pengakap, mengembara, kegiatan kebudayaan, kerja kemasyarakatan dan lawatan.

Jambori ini akan diadakan di Bukit Bendera berhampiran dengan Kompleks Sukan Daerah Tutong dan Ibu Pejabat Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Tutong.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Kebangsaan, Ahli-ahli Majlis Pengakap - pengakap Daerah, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Penolong - penolong Pesuruhjaya Daerah, Pemimpin-pemimpin Pengakap dan ahli-ahli pengakap.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**








# MINDA PEMBACA

## Semarak perpaduan melalui makanan

**MAKANAN** adalah aspek penting dalam budaya dan perpaduan masyarakat. Dalam masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya seperti di Brunei Darussalam, makanan sering menjadi jambatan yang menghubungkan perbezaan dan mewujudkan semangat perpaduan. Ia bukan sekadar dari keperluan fizikal tetapi juga simbol kesatuan dalam kalangan pelbagai kumpulan etnik.

Dalam masyarakat Brunei, kita dapat menikmati pelbagai hidangan tradisional yang mewakili keunikan etnik yang berbeza. Daripada hidangan Melayu, Cina, Iban hingga kepada hidangan etnik India setiap hidangan mempunyai citarasa tersendiri yang memikat. Inilah yang membuatkan makanan menjadi alat perpaduan yang kuat. Ketika berada di meja makan, perbezaan etnik dan budaya semasa makan tidak lagi menjadi penghalang, tetapi justeru menjadi peluang untuk berinteraksi dan memahami satu sama lain.

Makanan juga sering menjadi bahasa universal yang menghubungkan orang. Apabila kita berkongsi hidangan dengan orang lain, kita sebenarnya berkongsi lebih daripada makanan itu sendiri. Kita berkongsi pengalaman, cerita dan rasa. Ini adalah cara yang kuat untuk membina hubungan dan perpaduan antara individu daripada pelbagai latar belakang.

Selain itu, pelbagai perayaan dan upacara adat di Brunei sering disertai dengan persiapan hidangan khas. Ini mengukuhkan lagi makna makanan dalam menyatukan masyarakat. Sama ada semasa Hari Raya, Tahun Baharu Cina, Hari Krismas dan sebagainya hidangan istimewa disediakan untuk disajikan kepada tetamu. Ini bukan sekadar makanan, tetapi juga simbolik persaudaraan dan perpaduan.

Dalam dunia yang semakin global, semangat perpaduan melalui makanan juga dapat dihayati melalui makanan antarabangsa. Restoran dan kafe yang menyajikan hidangan daripada pelbagai negara membolehkan masyarakat Brunei merasai kepelbagaian makanan dunia tanpa perlu melancong jauh.

Dengan demikian, semarak perpaduan melalui makanan adalah sesuatu yang unik dan berharga. Ia mengingatkan kita bahawa kepelbagaian etnik dan budaya adalah kekayaan, dan makanan adalah jalan pintas untuk menghargai dan merayakannya. Sebagai masyarakat Brunei, kita boleh terus memupuk semangat ini melalui perkongsian makanan dan menjadikannya sebagai asas perpaduan dan keharmonian di negara ini.

**Nama : Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad**
**No. K/P : 00-314XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Pertahankan Sejarah Warisan Negara'**. Tarikh Tutup **: 29 November 2023**
2. **'Persiapan Belia Hadapi Cabaran Pekerjaan'**. Tarikh Tutup **: 6 Disember 2023**
3. **'Amalkan Berbelanja Secara Berhemah'.** Tarikh Tutup **: 13 Disember 2023**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**



# Ashabul Haliim : Platform belia berkhidmat

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ihsan Ashabul Haliim**

PENGLIBATAN golongan belia dalam aktivit-aktiviti dan program mengimarahkan masjid adalah sangat signifikan ketika dunia pada masa ini berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran semasa. Oleh itu, penubuhan kelab-kelab atau persatuan-persatuan belia masjid di negara ini sudah tentu dapat dijadikan platform bagi golongan belia ke arah mengendalikan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada pembinaan modal insan.

Salah satu kelab belia masjid yang aktif mengendalikan pelbagai aktiviti dan program bagi masyarakat setempat ialah Kelab Belia Ashabul Haliim. Ditubuhkan pada tahun 2015, kelab ini diselenggarakan di bawah naungan Masjid Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Tungku.

Menyentuh sejarah awal penubuhannya, penubuhan kelab ini dirasmikan pada tahun 2018 oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada ketika itu, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dengan misi dapat melahirkan belia berwawasan yang bergiat aktif dalam membuat kerja-kerja kemasyarakatan, kesukarelawanan dan seumpamanya dan mengimarahkan Masjid Pengiran Muda Abdul Malik Tungku, Katok dengan aktiviti-aktiviti yang membangun jiwa dan minda melalui pendekatan dakwah kreatif. Selain itu penubuhan kelab juga mempunyai misi menggunakan potensi-potensi belia untuk disumbangkan kepada masyarakat.

**Aktiviti / program**

Dengan dianggotai oleh seramai 45 orang ahli yang terdiri daripada pelajar-pelajar Insitut Pengajian Tinggi (IPT) dan alumni-alumni IPT, kelab ini giat melaksanakan pelbagai aktiviti dan program dan telah mempunyai beberapa program jenama yang dikendalikan setiap tahun. Program-program yang dilaksanakan adalah berunsur kebajikan, kemasyarakatan dan kepimpinan yang bertujuan untuk memberi bimbingan, motivasi, semangat dan peluang untuk beramal kepada masyarakat. Program-program berkenaan adalah :

1. Forum membina keluarga sakinah - yang antara lain mengongsikan beberapa tip untuk persiapan individu sebelum melangkah ke alam rumah tangga. Forum juga memberi penjelasan dan kesedaran akan kepentingan membuat persiapan sebelum berumah tangga.

2. Plogging merupakan program yang dikendalikan oleh kelab ini ke arah meningkatkan kesedaran kepada para peserta mengenai penjagaan kebersihan alam sekitar serta memberi satu alternatif kepada peserta tentang gaya hidup sihat.

3. Tahaddu Tahabbu - program merupakan platform bagi orang ramai untuk menghulurkan sumbangan berupa barang-barang keperluan persekolahan dan para penerima sumbangan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang memerlukan khususnya mereka yang tinggal di sekitar kawasan Mukim Gadong. Program ini sekali gus akan memberi kesedaran kepada penduduk kampung mengenai tanggungjawab seorang Muslim dalam membantu masyarakat yang kurang berkemampuan.

Selain itu, Kelab Belia Ashabul Haliim juga pernah mengendalikan program perkhemahan belia selangkah ke Jannah serta aktif mengendalikan aktiviti-aktiviti pembinaan jati diri belia; Outreach Programme; program kesedaran belia dan isu semasa, kesukanan, kuliah-kuliah agama, Kursus Fardu Ain dan Fardu Kifayah serta berkolaborasi bersama pelbagai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, universiti, jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya.

**Harapan**

Penubuhan kelab belia ini diharap akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi kepentingan orang ramai dan mencetuskan kreativiti dalam mengembangkan dakwah di negara ini seiring dengan perkembangan globalisasi. Dalam pada itu, Kelab Ashabul Haliim juga berharap penubuhan kelab ini akan mendapat sambutan dan sokongan daripada orang ramai dengan melibatkan diri dan mengikuti program-program yang diungkayahkan oleh Ashabul Haliim. Penubuhan kelab ini juga diharap akan dapat membuka lebih banyak peluang kepada para belia untuk berkhidmat kepada masyarakat dan sekali gus melahirkan dan membina belia syumul yang beriman, berkepimpinan dan berwawasan dalam usaha membangunkan Negara Zikir. Dengan tertubuhnya kelab ini diharap akan terus menjadi platform untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara belia masjid dan ahli-ahli takmir masjid seterusnya sebagai langkah awal bagi memperbanyakkan kerjasama pada masa akan datang. Kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kelab ini bolehlah mengikuti Instagram *@ashabul-haliim.*








# Hentikan penderaan berikan perhatian, penjagaan istimewa kepada kaum wanita





**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Ihsan Dayang Nurul Nazurah Jaya**

ISU keganasan terhadap wanita tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh membawa kemudaratan kepada kaum wanita. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, keganasan terhadap wanita boleh didefinisikan sebagai sebarang perlakuan ganas yang dilakukan atas sebab gender yang membawa kepada kemudaratan kepada fizikal, seksual dan mental atau membawa kepada penderitaan yang berakibat daripada ancaman untuk melakukan gangguan, paksaan atau mengongkong kebebasan yang berlaku di ruang awam.

Di Negara Brunei Darussalam, perkara ini amat diambil perhatian. Justeru itu, pelbagai usaha bagi menangani, mencegah dan mengatasi isu berkenaan telah dilaksanakan seperti penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan program kesedaran dan pengukuhan institusi kekeluargaan.



Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) telah mengisytiharkan 25 November 2021 sebagai Hari Antarabangsa Pembanterasan Keganasan Terhadap Wanita dan telah melancarkan Kempen UNiTE 2023 yang berlangsung selama 16 hari bermula 25 November sehingga 10 Disember iaitu memperingati Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa. Kempen UNiTE 2023 dengan tema 'UNITE! Invest to prevent violence against women and girls' adalah untuk menyeru kepada setiap individu mengambil berat tentang cara menamatkan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Berkaitan dengan Hari Antarabangsa Pembanterasan Keganasan Terhadap Wanita ini, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Pegawai Pembangunan Masyarakat, Ketua Unit Wanita, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayang Nurul Nazurah binti Jaya yang mengongsikan pandangan beliau mengenainya.

Menurut Dayang Nurul Nazurah, keganasan boleh berlaku di mana sahaja, dan ini termasuklah di rumah sendiri. Jadi adalah penting bagi semua peringkat masyarakat untuk mengetahui mengenai perkara ini dan apa yang patut dibuat jika sekiranya perkara ini berlaku.

Beliau turut memberikan nasihat dan pesanan kepada wanita di luar sana untuk mencegah perkara seperti ini berlaku.

"Janganlah takut untuk melaporkan jika awda adalah mangsa penderaan dan tetapkanlah pendirian awda. Sebagai manusia, awda mempunyai hak untuk hidup dan tiada siapa yang berhak untuk mencederakan atau melakukan keganasan terhadap awda. Oleh itu, jika berlaku kejadian keganasan rumahtangga terhadap awda, anak-anak atau keluarga, sila laporkan kepada pihak berwajib. Janganlah berkompromi dengan pendera kerana ini akan memberi peluang kepada pendera untuk mengulangi perbuatannya yang tidak berperikemanusiaan," tegasnya.

Jelasnya, JAPEM adalah sebuah agensi penguatkuasaan yang akan membuat pendekatan lanjut bagi mana-mana laporan yang diterima daripada orang ramai, khususnya di dalam keganasan rumahtangga. JAPEM juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jabatan Kehakiman Negara dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, kes keganasan rumah tangga ditangani berdasarkan dua akta iaitu Perintah Undang-undang Keluarga Islam (Pindaan) 2010; dan Perintah Akta Perempuan Bersuami (Pindaan) 2010.

Melalui akta ini tambahnya, mahkamah boleh mengeluarkan perintah-perintah kepada pelaku ataupun mangsa seperti mendapatkan perintah perlindungan, perintah menghalang pelaku daripada melakukan sebarang bentuk keganasan rumah tangga dan pelaku dan mangsa menghadiri kaunseling.

"Pada lazimnya, jika awda mengadu ke JAPEM sama ada melalui Helpline 141 atau terus datang ke jabatan kami, pegawai kerja sosial atau Caseworker dari Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak akan membuat pendekatan bersama klien iaitu mangsa. Jika awda sudah membuat laporan ke balai polis dan hospital, awda akan diterangkan mengenai Perlindungan Dharar Syarie dan cara-cara untuk mengisi borang *affidavit*. Kemudian akan dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah untuk membuat pemohonan perlindungan. Jika awda belum membuat sebarang laporan, pekerja sosial akan membawa awda ke balai polis untuk mendapatkan salinan aduan dan kemudian dibawa ke hospital untuk pemeriksaan lanjut jika ada bekas-bekas lebam dipukul dan sebagainya. Awda juga harus mendapatkan laporan dari hospital atau Laporan Sembilan sebagai *exhibit* permohonan perlindungan mangsa," ujarnya.

Walau bagaimanapun, terangnya, awda perlu mendapatkan keluarga terdekat terlebih dahulu untuk perlindungan sementara. Jika tidak mempunyai keluarga terdekat yang dipercayai boleh membantu, awda akan ditempatkan di perlindungan KRK, iaitu atas arahan Pengarah Pembangunan Masyarakat. JAPEM juga bekerjasama dengan agensi-agensi bagi tujuan melancarkan kes dengan menghubungi agensi-agensi yang berkenaan iaitu pihak polis, pihak kebajikan hospital dan Mahkamah Syariah / Sivil untuk tujuan perlindungan, mendapatkan bukti iaitu laporan perubatan atau salinan aduan polis seterusnya bukti-bukti itu dihadapkan bersama borang perlindungan di mahkamah.

Menyentuh mengenai langkah dan usaha bagi menangani masalah / isu keganasan terhadap wanita, beliau seterusnya menjelaskan, dalam masa yang sama, inisiatif serta program pembangunan dan pemerkasaan wanita terus dijalankan dengan kerjasama rakan strategik dalam sektor kerajaan, swasta dan NGOs, demi mendukung hak kesaksamaan dan kesejahteraan wanita di negara ini. Justeru itu, beberapa program telah diungkayahkan dengan kerjasama *stakeholder*, salah satu daripadanya adalah Forum PREPanita yang mana program ini terbahagi kepada dua tajuk iaitu 'Selamat Datang ke Dunia Pekerjaan' dan 'Communi-Kasih'.

" 'Komunikasi adalah Kunci Kebahagiaan', program bertujuan untuk membarigakan isu-isu sosial yang ditangani di kalangan remaja di samping memberikan pendedahan mengenai gangguan seksual di tempat kerja serta memberikan pengetahuan mengenai pentingnya 'Worklife Balance'. Sasaran audiens bagi forum tersebut ialah penuntut-penuntut dari institusi tinggi. Forum berkenaan diadakan pada setiap tahun sejak tahun 2021," tambahnya.

**Kesimpulan**

Dalam agama Islam, kaum wanita diberi perhatian dan penjagaan yang cukup istimewa. Wanita diberikan hak-hak yang mesti dipenuhi dan dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda mengingatkan umatnya agar sentiasa berbuat baik terhadap kaum wanita. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "*Dan berpesanlah kepada wanita dengan kebaikan, kerana sesungguhnya dia diciptakan dari tulang rusuk dan bahagian yang paling bengkok adalah tulang rusuk yang paling atas, jika kamu berusaha untuk meluruskannya, nescaya akan patah, jika kamu membiarkannya, dia akan sentiasa bengkok, maka berpesanlah terhadap wanita dengan kebaikan*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

PELITA BRUNEI

# PUPUK KESEDARAN, TINDAKAN DALAM ISU KRITIKAL DIHADAPI LELAKI





**FORUM 'Menavigasi Kesihatan dan Kanser Lelaki : Strategi Pelbagai Disiplin untuk Diagnosis, Rawatan dan Kemandirian' (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada forum tersebut.**

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BELAIT**, Isnin, 27 November. – Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) melalui Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre-TBCC) mengadakan Forum 'Menavigasi Kesihatan dan Kanser Lelaki : Strategi Pelbagai Disiplin untuk Diagnosis, Rawatan dan Kemandirian'.

Forum tersebut menandakan berakhirnya Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki Movember.

Forum yang diadakan di Kelab Panaga, Seria menghimpunkan doktor, ahli psikologi, jurulatih kecergasan dan pejuang yang selamat dari kanser dalam usaha memupuk kerjasama dan dialog antara pelbagai disiplin.

Hadir selaku Pengerusi Movember ialah Ketua Jabatan Onkologi Perubatan dan Unit Penjagaan Paliaf, Dr. Haji Zulkhairi bin Haji Mohamad.

Forum tersebut menampilkan sekumpulan panel yang terdiri daripada Pakar Perunding Perubatan Onkologi, TBCC, Dr. Raden Mas Jefferi bin Raden Mas Ismail; Ketua Jabatan Perubatan Nuklear TBCC, Dr. Hamid Naseer; Jurulatih Kecergasan Gym JAB, Jonathan Ooi dan Pakar Psikologi Klinikal, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohamad Danial Azizi bin Haji Mahdi.

Forum itu mengetengahkan tentang pembangunan penyelidikan kanser, pengesanan awal dan pilihan rawatan, mengiktiraf stigma masyarakat dan *stereotype* yang mengelilingi kelelakian dan kesihatan mental serta pelbagai faedah aktiviti fizikal tetap terhadap kesejahteraan lelaki.

Antara lain tujuan diadakan untuk mewujudkan platform untuk perbincangan terbuka, memupuk kesedaran dan memberikan pandangan yang boleh diambil tindakan dalam mengelilingi isu kritikal yang dihadapi oleh lelaki dalam bidang kesihatan dengan tumpuan khusus pada kanser.

# Buka minda peserta melalui program perkongsian pengalaman



**ROMBONGAN bergambar ramai semasa mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Miri, Sarawak.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga**

**MIRI, SARAWAK**, Isnin, 27 November - Rombongan seramai 45 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga dan beberapa orang penduduk kampung berkenaan telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Miri, Sarawak baru-baru ini.

Rombongan dikepalai oleh Pemangku Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Zaini bin Haji Salleh juga selaku Ketua Kampung Sungai Bunga.

Lawatan antara lain bertujuan bagi membuka minda para peserta melalui program perkongsian pengalaman, di samping mengeratkan silaturahim dan membuka peluang untuk berkolaborasi dalam bidang yang bersesuaian.

Di antara lawatan yang dikunjungi adalah Galeri & Muzium Kilang Kek Lapis Sarawak Siti Payung dan juga Rosfaniaga Services Sdn Bhd (Pengeluaran Keropok Lekor Sarawak) d-FRentz.

Pada sesi lawatan berkenaan, para peserta turut diberi peluang untuk menyaksikan sendiri di Galeri & Muzium Kek Lapis Sarawak Siti Payung, tentang sejarah dan asal usul syarikat berkenaan serta tatacara membuat kek lapis Sarawak.

Lawatan ke lokasi seterusnya adalah memproses pembuatan produk makanan seperti keropok lekor pengeluaran Rosfaniaga Sdn. Bhd. (Pengeluaran Keropok Lekor Sarawak) d-FRentz yang didemontrasikan oleh kakitangan kilang berkenaan.

Awang Zaini menjelaskan bahawa lawatan seumpamanya memberi peluang dan seterusnya menambahkan ilmu pengetahuan Ahli-ahli MPK dan beberapa orang penduduk berkenaan yang mengikuti ikut lawatan, di samping bertukar-tukar fikiran bersama para pengusaha kecil di negara ini tambahan lagi kebanyakan Ahli-ahli Kumpulan MPK Sungai Bunga dan Ahli Biro Wanita terdiri daripada pengusaha-pengusaha perusahaan mikro.

Dalam pada itu, Awang Zaini turut mengongsikan harapannya agar hasil lawatan berkenaan dapat disebarluaskan kepada para pengusaha-pengusaha mikro kecil serta belia dan beliawanis yang berminat untuk menjadi lebih kreatif menghasilkan produk sendiri dan berniaga secara kecil-kecilan.

# Warganegara Malaysia dikenakan denda sebanyak BND168,736

DARI MAHKAMAH

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**BELAIT**, Isnin, 27 November:- Seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 39 tahun, diperintahkan untuk menjelaskan denda sebanyak BND168,736 oleh Mahkamah Majistret, Kuala Belait kerana memiliki 220 karton rokok pelbagai jenama serta pelbagai jenama minuman beralkohol.

Defendan, Sakai Bian perlu menjalani hukuman penjara 30 bulan jika gagal membayar denda.

Menurut fakta kes yang didedahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri Binti Kiprawi, barang seludup itu ditemui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 23 November 2023 apabila kenderaan defendan ditahan untuk pemeriksaan di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Daerah Belait.

Defendan mengaku menyembunyikan pelbagai barangan seludup di dalam dan di bawah kenderaan bagi mengelak dikesan.

Majistret Nur Sariy Shahmina binti Jaffri seterusnya memerintahkan supaya barang rampasan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk dimusnahkan.




# JUMLAH PERDAGANGAN JULAI 2023 CATAT PENINGKATAN







**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Jumlah perdagangan meningkat sebanyak 5.2 peratus pada bulan Julai 2023 berbanding bulan Jun 2023.

Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah eksport sebanyak 30.9 peratus. Manakala, jumlah import menurun sebanyak 20.0 peratus.




Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), eksport pada bulan Julai 2023 bernilai BND1,177.1 juta yang mana Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama eksport Negara Brunei Darussalam iaitu sebanyak 81.3 peratus, diikuti oleh Bahan Kimia (16.4 peratus), dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (1.1 peratus).

Lima komoditi import utama pada bulan Julai 2023 adalah Bahan Api Galian (58.6 peratus), diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (15.5 peratus), Makanan (8.0 peratus), Bahan Kimia (6.8 peratus), dan Barang-Barang Keluaran Kilang (5.8 peratus).

Pasaran eksport utama pada bulan Julai 2023 adalah Australia (23.4 peratus), diikuti oleh Singapura (19.6 peratus) dan Republik Rakyat China (13.8 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah Bahan Api Galian dan Bahan Kimia.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia (32.7 peratus), diikuti oleh Arab Saudi (15.8 peratus) dan Kazakhstan (15.5 peratus), dengan Bahan Api Galian sebagai komoditi import terbesar.

Sebanyak 60.3 peratus import adalah digunakan sebagai Barangan Perantaraan bagi pemprosesan, diikuti oleh Barangan Modal (34.6 peratus) bagi operasi perniagaan dan Barangan Penggunaan (5.1 peratus) bagi kegunaan isi rumah.

Sebanyak 94.3 peratus jumlah perdagangan dihantar melalui pengangkutan laut. Ini diikuti oleh pengangkutan udara (4.2 peratus) dan melalui darat (1.5 peratus).

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2023, jumlah perdagangan adalah sebanyak BND13,015.3 juta yang terdiri daripada eksport bernilai BND7,806.4 juta dan import berjumlah BND5,208.9 juta, yang mana mencatatkan jumlah perdagangan yang berlebihan sebanyak BND2,597.4 juta.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan Julai 2023 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di *https://deps.mofe.gov.bn*.

# Perusahaan penyimpanan barang binaan diarah hentikan operasi

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 27 November. - Sebuah perusahaan penyimpanan barang binaan serta tambahan kemajuan dalam bentuk kontena bagi rumah pekerja asing yang terletak di Kampung Jangsak, Mukim Kilanas telah diarahkan untuk menghentikan aktivitinya, memindah, membersihkan dan merobohkan kemajuannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan.



Kegiatan penyimpanan barang ini dijalankan di atas tanah kediaman yang tidak sesuai untuk tujuan penyimpanan.

Kemajuan yang digunakan sebagai penyimpanan bahan binaan dan rumah pekerja asing ini melibatkan garis bangunan dan telah mencerobohi tanah gazet Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tanah perkuburan.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik telah mematuhi arahan Pihak Berkuasa dengan menghentikan aktiviti, merobohkan tambahan bangunan dan membersihkan kawasan tersebut.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Bab 23 TCPA yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

**SEBUAH perusahaan melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 kerana menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan (atas dan kiri).**



Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda seperti mana di dalam Bab 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai bolehlah menghubungi talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa di +673 8200222 atau e-mel *tcp.aduan@tcp.gov.bn*.




ePaper Pelita Brunei

# PASUKAN ELITE FT JUARA KEJOHANAN FUTSAL CDD 2023



**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan**

**TUNGKU LINK,** Isnin, 27 November. - Pasukan Elite FT muncul juara Kejohanan Futsal CDD 2023 anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang diadakan pada 26 November 2023 di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Dr. Mohamad Khairul bin Haji Matusin.

Penyampaian Piala Pusingan berserta hadiah kepada para pemenang pula disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum, Dr. Maureen Chong Siew Fang.

Trofi Pemain Terbaik dirangkul oleh Awang Mohammad Zaim bin Ishak, manakala Trofi Penjaring Terbanyak kejohanan diraih oleh Awang Mohd. Shafee bin Abd. Daud dan bagi Trofi Penjaga Gol Terbaik dimenangi oleh Awang Mohammad Adib Shukri bin Haji Abu Bakar.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu aktiviti riadah tahunan jabatan sebagai usaha mempromosikan gaya hidup sihat dan mengukuhkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

**PASUKAN Elite FT muncul juara Kejohanan Futsal CDD 2023 anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.**

# Kejohanan Ping Pong KKBS tutup tirai

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



**TUTONG**, Isnin, 27 November.- Kejohanan Ping Pong Antara Rumah-rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menutup tirainya baru-baru ini setelah berlangsung selama dua hari iaitu pada 24 dan 26 November 2023 bertempat di Kompleks Sukan Tutong.

Kejohanan yang dianjurkan melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, mempertandingkan tiga kategori iaitu Kategori Berpasukan Lelaki Berpengalaman, Berpasukan Lelaki Tidak Berpengalaman dan Berpasukan Wanita yang menggunakan format Round Robin dengan menggunakan sistem *best of 5 games* yang mana Kategori Berpasukan Lelaki Berpengalaman akan mempertandingkan perlawanan Perseorangan dan Beregu; Kategori Berpasukan Lelaki Tidak Berpengalaman mempertandingkan Perlawanan Perseorangan; dan Kategori Berpasukan Wanita pula mempertandingkan Perseorangan dan Beregu Pasukan-pasukan dari KKBS ini dibahagikan kepada lima pasukan rumah yang terdiri daripada rumah Silubang Bangsi (Kuning), Arap Gagati (Biru), Bunga Putar (Merah), Liputan Madu (Ungu) dan Sukma Indera (Hijau).

Juara bagi Kategori Berpasukan Lelaki Berpengalaman dimenangi oleh Rumah Sukma Indera, diikuti oleh Rumah Bunga Putar di tempat kedua dan Rumah Arap Gagati di tempat ketiga.

Manakala bagi Kategori Berpasukan Lelaki Tidak Berpengalaman dimenangi oleh Rumah Bunga Putar, diikuti oleh Rumah Arap Gagati di tempat kedua dan Sukma Indera di tempat ketiga.

Sementara itu bagi Kategori Berpasukan Wanita dimenangi oleh Rumah Liputan Madu diikuti oleh Rumah Sukma Indera di tempat kedua dan Rumah Silubang Bangsi di tempat ketiga.

Antara lain tujuan sukan ini diadakan adalah sebagai salah satu usaha KKBS melalui jabatan-jabatan di bawahnya untuk menjadikan aktiviti-aktiviti sukan bukan hanya semata-mata untuk kecemerlangan tetapi juga untuk kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan di semua peringkat dan bahagian supaya bergiat aktif dengan aktiviti-aktiviti sukan dan riadah, serta salah satu usaha untuk memupuk perpaduan dan kerjasama dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama pegawai dan kakitangan.

Kejohanan Sukan Rumah-rumah di bawah KKBS ini merupakan salah satu program tahunan anjuran kementerian ini dan dikendalikan oleh jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama Persekutuan-persekutuan / Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi sukan-sukan yang dipertandingkan.

Sukan Antara Rumah-rumah, KKBS ini turut mempertandingkan sukan-sukan lain seperti Badminton, Futsal, Bola Jaring, Sepak Takraw, Tenpin Boling, dan Permainan Congkak serta Permainan Pasang.



**ANTARA aksi pasukan yang bertanding pada Kejohanan Ping Pong Antara Rumah-rumah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan atas kiri).**